

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"KERANA pembangunan modal insan adalah teras bagi menjayakan sesuatu transformasi ke arah perubahan. Maka atas asas inilah kita memberikan fokus kepada pembangunan insan cemerlang."
- Titah Sempena Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ketujuh pada 27 Jamadilakhir 1439H / 15 Mac 2018M.



Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"BERDOALAH kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan dengan suara perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 55.

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 5.06, SUBUH 5.16, SYURUK 6.36, DUHA 7.00, ZUHUR 12.35, ASAR 3.56, MAGHRIB 6.32, ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 15

3 FEBRUARI 2021 / 20 جمادى الأخير 1442

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Polisi tidak teratur punca pentadbiran lemah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan polisi yang tidak teratur dan lengkap boleh menjadikan pentadbiran Politeknik Brunei (PB) lemah.

"Beta agak terkejut apabila mengetahui yang PB tidak mempunyai polisi yang teratur dan lengkap. Namun ia hanya disedari apabila berlaku satu pertukaran jawatan pada sekitar Oktober 2020. Bayangkan PB tidak mempunyai polisi teratur dan lengkap sehingga 2020 adalah satu perkara yang amat mengecewakan.

Ke muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Politeknik Brunei, IBTE Kampus Bisnes dan IBTE School of Aviation. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Brunei Darussalam
infodept.bn infodept_bn

Berita Utama

8 pegawai polis naik pangkat
Muka 10

Warisan
MAKAN Tahun : Menjalin Permuafakatan sambil merapatkan silaturahmi
Muka 27

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 2 FEBRUARI 2021, 10.00 pagi
JUMLAH KES JANGKITAN 180
JUMLAH KEMATIAN 3
JUMLAH KES YANG SEMBUH 172

COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 10.00 pagi hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 180 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi

Ke muka 8

Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 272 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Kerjasama erat capai kualiti pendidikan tinggi, berprestij

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Seramai 19 pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2021 dianugerahkan Dana Bantuan Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat atau BIBD ALAF, yang Ke-8.

Hadir menyempurnakan anugerah tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD.

Majlis berlangsung di BIBD ALAF, Centre of Excellence and Empowerment (CEE), di ibu negara, di sini.

Ke muka 7

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Polisi tidak teratur punca pentadbiran lemah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Politeknik Brunei, IBTE Kampus Bisnes dan IBTE School of Aviation.

Dari muka 1

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

"Sudah tentu dengan polisi yang tidak teratur itu boleh saja menjadikan pentadbiran lemah, sedangkan PB diperlukan untuk memenuhi keperluan sumber tenaga manusia yang berilmu lagi berkemahiran," titah baginda semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke PB, IBTE Kampus Bisnes dan IBTE School of Aviation, hari ini.

Dalam titah, baginda juga menekankan akan kelemahan kolaborasi antara PB dan Syarikat Hengyi Industries Sendiran Berhad yang perlu diambil tindakan.

"Setelah Pengerusi Syarikat ini melawat ke PB, menyaksikan sendiri keadaan kampus sambil berinteraksi dengan tenaga pengajar dan penuntut yang mengikuti Program Industrial Analysis iaitu program diploma kolaborasi di antara Hengyi Industries dan PB.

"Kedua-dua pihak dikatakan telah bersetuju untuk mengembangkan lagi kerjasama dengan merancang bagi penubuhan Sekolah Petrokimia yang dijangka memerlukan lebih 1,000 jawatan kosong, namun kedengarannya pihak syarikat tidak mempercayai dan

malah memandang rendah kebolehan warga tempatan lalu ia mengambil sikap untuk tidak akan menerima warga tempatan sebaliknya akan membawa pekerja dari negara mereka untuk mengisi kekosongan. Kejadian ini jika benar adalah ia satu tanda kekurangan atau kelemahan pihak PB jua yang seyogianya mesti diambil ingatan," tegas baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, konsep membina dan meningkatkan mutu memang perlu ada di sepanjang masa tetapi ia dilakukan dengan berhati-hati bukannya dengan tergesa-gesa. Seperti PB memperkenalkan Program Diploma Level 5 HND Kejuruteraan Petrokimia atau Petrochemical Engineering sedang diketahui PB masih lagi belum mempunyai tenaga pengajar yang pakar dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk itu. Tidakkah ini satu perkara yang meragukan.

Terdahulu, baginda bertitah, PB mempunyai visi untuk menghasilkan graduan yang inovatif yang boleh dipasarkan sementara misinya pula ialah untuk melengkapkan para pelajar

dengan kemahiran melalui pendidikan holistik.

Pada awal penubuhannya hanya terdapat sembilan program kursus diploma lanjutan dua tahun diperkenalkan dalam bidang-bidang perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan sains serta kejuruteraan.

Pada tahun 2015 pula, jelas baginda, perubahan telah berlaku dengan menambah jumlah dan tawaran Program Diploma Tahap 5 setaraf dengan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

Dari semenjak itu, sejumlah 21 program Diploma Akademik telah ditawarkan oleh empat buah sekolah di bawah PB ini, iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

"Melihat kepada visi dan misi serta program yang ditawarkan, tidak syak lagi PB adalah hebat dan membanggakan. Inilah yang kita nampak daripada luar. Mudah-mudahan apa yang dinampak di luar ini akan bersamaan dengan apa yang wujud di dalam," tegas baginda.

Dari Sidang
Pengarang.

3 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الآخرة 20

BERGANDING BAHU BANTERAS AKTIVITI PENYELUDUPAN

AGAMA Islam sangat mementingkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Sebagai sebuah negara yang berfalsafahkan Melayu Islam Beraja, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bumi Darussalam ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan beberapa peraturan dan undang-undang mengenai minuman keras (arak), antaranya ialah kesalahan memiliki minuman keras bagi orang-orang Islam, pengharaman penjualan minuman keras dan lain-lain.

Walaupun peraturan dan undang-undang itu telah pun berkuat kuasa akan tetapi masih juga terdapat pihak-pihak yang menjualnya secara sembunyi-sembunyi iaitu dengan membawa masuk minuman keras itu ke negara ini dengan cara menyeludup secara haram.

Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan isu penyeludupan rentas sempadan di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan ialah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Antara tugas dan tanggungjawab JKED dalam menjaga keamanan dan kemakmuran negara ialah mengawal sempadan di Pos-pos Kawalan dan memantau kemasukan barangan ke negara kita melalui udara, air dan darat. Pengawasan ini bertujuan bagi memastikan bahawa barangan yang dibawa masuk atau keluar dari negara ini adalah selamat dan mempunyai permit demi menjaga kemasalhatan dan kesejahteraan masyarakat terutama dari segi aspek barangan dan tegahan dan sekatan.

Perbuatan menyeludup rentas sempadan bukan sahaja disebabkan untuk melarikan diri daripada membayar cukai kastam malahan juga untuk melarikan diri daripada mendapatkan permit dan kebenaran untuk membawa masuk barang-barang terkawal tersebut.

Selain itu, penyeludupan bukan sahaja berlaku ke atas barang tegahan dan sekatan, akan tetapi penyeludupan juga berlaku ke atas barang-barang bersubsidi kerajaan. Oleh yang demikian, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita hendaklah sentiasa memanfaatkan pemberian subsidi kerajaan yang diberikan kerana ia bertujuan bagi membantu meringankan bebanan rakyat negara ini.

Aktiviti-aktiviti penyeludupan membawa banyak kesan buruk dan mengakibatkan kerugian pada negara, antaranya ia mengurangkan pendapatan negara melalui kutipan hasil cukai, menggalakkan berlakunya aktiviti jenayah, memberi kesan negatif pada industri dalam negara di mana peniaga yang jujur akan membayar cukai tetapi penyeludup dengan sewenang-wenangnya meraih keuntungan tanpa membayar sebarang cukai.

Sehubungan itu, sama-samalah kita berganding bahu dan membantu pihak kerajaan dalam membanteras dan memberhentikan aktiviti-aktiviti penyeludupan barangan yang ditegah seperti minuman keras, rokok, daging yang diragui kehalalannya dan sebagainya dengan melaporkan kepada JKED jika kita mempunyai sebarang maklumat tentang aktiviti penyeludupan demi mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara kita yang tercinta ini. Sama-samalah kita bekerjasama dan berganding bahu dan mencegah aktiviti penyeludupan ini.

Ingatlah, sekiranya masalah penyeludupan ini tidak dibendung atau tidak ada kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat, maka perkara ini akan mendatangkan kesan dan impak negatif pada kemakmuran, keselamatan dan kestabilan sosioekonomi negara. - **Ketua Penyuntingan (Hs)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

Walaikum Bissawab | Talian Daraga | Brunei WX App
Jabatan Kajiucaca Brunei Darussalam | 114 | www.met.gov.bn

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	RABU	20	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	KHAMIS	21	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
5	JUMAAT	22	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	SABTU	23	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	AHAD	24	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	ISNIN	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	SELASA	26	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998** | (Talian Darussalam) **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 123** | **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT 2380214** | **NDMC 2380214**

Tinjau perkembangan Institusi Pengajian Tinggi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Politeknik Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Perkembangan pendidikan di negara ini, khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terus mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke tiga buah IPT di negara ini. Tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermula di Politeknik Brunei (PB), Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

Oleh : Haniza Abdul Latif,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia di sepanjang lawatan tersebut ialah Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon.

Kebawah DYMM berkenan berangkat meninjau ke beberapa kemudahan dan prasarana PB dengan memulakan lawatan ke Aras 2 yang menempatkan One Stop Centre dan Divisyen Hal Ehwal Pelajar, dan seterusnya berkenan melawat ke Pusat Pembelajaran dan Perpustakaan di Aras 3.

Baginda kemudian berkenan berangkat meninjau Kelas Digital Media di Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Aras 5, disusuli dengan lawatan ke Sekolah Perdagangan di Aras 7 dan 8, di mana baginda berkenan meninjau ke Kelas Keusahawanan, Bilik Kuliah dan

Bilik Perbincangan.

Setelah itu, baginda berkenan meneruskan lawatan ke Aras 9 yang menempatkan sebuah Mock Hotel dan mengakhiri lawatan baginda di Aras 12 dengan berkenan membuat lawatan ke Bahagian Sumber Manusia, Bilik Persidangan, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Pejabat Pengarah.

PB adalah sebuah IPT awam di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang ditubuhkan pada Januari 2012, di mana penubuhannya telah diperkenankan melalui titah Kebawah DYMM semasa Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Ke-18 pada 18 Oktober 2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dengan visi, 'Generating Innovative and Future Ready Graduates', PB mengorak langkah bagi memastikan misinya dicapai, iaitu 'To Deliver Industry Driven Quality Education and Training'.

Ke muka 4

Nilai sejauh mana kebolehpasaran lepasan PB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Pembinaan kampus bagi menempatkan keempat-empat buah sekolah di bawah Politeknik Brunei (PB) adalah mustahak untuk ditibangkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sedemikian semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke PB, IBTE Kampus Bisnes dan IBTE School of Aviation, hari ini.

Menurut titah baginda, PB setakat ini sedia ada telah pun mempunyai beberapa sekolah yang menawarkan berbagai program diploma yang dilihat sangat berfaedah dan menepati kehendak-kehendak semasa.

Di antara ialah Sekolah Perdagangan (SBS) yang menawarkan program-program Diploma Perakaunan dan Kewangan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengajian Keusahawanan, Diploma Pengajian Pengurusan Sumber Manusia dan Diploma Pengajian Pemasaran.

Sekolah Sains Kesihatan (SHS) pula menawarkan enam program

diploma antaranya Diploma Sains Kesihatan Kejururawatan, Diploma Paramedik, Diploma Teknologi Kardiovaskular dan lain-lain.

Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE) juga tidak kurang menawarkan program-program diploma yang menarik antaranya Diploma Seni Bina, Diploma Reka Bentuk Dalaman, Diploma Kejuruteraan Petroleum dan lain-lain.

Semua jenis program yang disebutkan di atas, titah baginda, adalah merupakan program-program yang relevan untuk memenuhi tuntutan jangka pendek dan jangka panjang Abad Ke-21.

"Kerana program-program yang menarik ini, PB semakin diminati dan sekali gus mengalami peningkatan jumlah penuntut yang ramai sedang bangunan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada mungkin sahaja telah melebihi kapasiti.

Oleh itu, mahu tidak mahu soal pembinaan kampus bagi menempatkan keempat-empat buah sekolah di bawah PB adalah mustahak untuk ditibangkan," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Selaras dengan jumlah sekolah, tambah titah baginda, tidak mustahil bermacam-macam

keadaan boleh berlaku di dalamnya. Namun, baginda berharap semua akan berjalan dengan baik terutama di kalangan para penuntut bagi sekolah masing-masing supaya benar-benar menjadi penuntut yang berdisiplin dan mempunyai akhlak yang mulia.

"Dalam usianya yang setakat ini, PB tentu sahaja telah melahirkan ramai lepasan setelah mereka itu mengikuti pelbagai program yang ditawarkan. Beta hanya setakat ini tahu adakah pernah dibuat sebarang penilaian tentang sejauh mana tenaga kerja boleh pasaran dari kalangan lepasan PB yang telah diterima bekerja atau yang berjaya menjalankan perniagaan sendiri. Ini mustahak untuk diketahui sebagai ukuran kecemerlangan atau sebaliknya kegagalan PB," titah baginda mengingatkan.

Bertitah mengenai Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pula, ia telah ditubuhkan untuk menggantikan tanggungjawab Jabatan Pendidikan Teknik. Misinya ialah untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan mempunyai kebolehpasaran pekerjaan. Rasional penubuhannya ialah untuk penstrukturan semula sistem pendidikan teknikal bagi menjadikannya lebih responsif dan relevan dengan keperluan negara.

Selaku institusi pasca menengah, IBTE menawarkan kursus-kursus di peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan

Teknikal dan Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal.

Kursus-kursus yang ditawarkan itu terdiri dari tujuh kluster iaitu Agroteknologi dan Sains Gunaan, Maritim, Perniagaan dan Perkhidmatan Kewangan, Hospitaliti dan Perkhidmatan Pelancongan, Tenaga dan Kejuruteraan, Perkhidmatan Teknologi Bangunan dan Elektronik dan Teknologi Maklumat.

"Boleh dianggap pendidikan teknikal di IBTE ini merupakan satu *option* tapi bukan pilihan terakhir (*last resort*) bagi meneruskan pendidikan selepas peringkat menengah. Kursus-kursus dalam pelbagai bidang ini tidak diragukan memberikan peluang yang khusus

bagi pendidikan teknikal berbanding akademik yang mampu untuk membekalkan negara dengan sumber tenaga manusia yang berkemahiran (*skilled workers*)," titah Kebawah DYMM.

Dalam pada itu, baginda juga mengingatkan, cabaran hendaknya jangan pula diabaikan dalam menghadapi perubahan semasa seperti cabaran perkembangan teknologi maklumat yang terus berubah dan juga lain-lain mungkin menyangkut sebagai cabaran ialah kemudahan prasarana dan bangunan bagi kursus-kursus itu terus relevan dan memenuhi pasaran tenaga kerja. Semua ini adalah perlu dilihat sebagai keperluan jua.



SEBAHAGIAN daripada pegawai, kakitangan dan juga para pelajar yang hadir.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Politeknik Brunei (PB) (kiri dan kanan).

Dari muka 3

PB juga dikanunkan di bawah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perkara 83(3) di bawah Perintah PB 2014 atas titah perkenan pada 9 September 2014.

Penubuhan PB sebagai salah satu IPT awam adalah antara satu langkah yang diperlukan bagi menjana keadaan landskap ekonomi di dalam dan luar

negara yang sentiasa berubah dan menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi yang amat diperlukan di negara ini.

Penubuhan institusi berkenaan adalah salah satu usaha Kementerian Pendidikan dalam mendukung pencapaian salah satu matlamat utama Wawasan Brunei 2035, iaitu bagi melahirkan rakyat dan penduduk yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Transformasi pendidikan teknikal yang dilaksanakan adalah juga salah satu strategi pendidikan negara bagi menangani realiti suasana ekonomi tempatan dan global yang cepat berubah dan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara.

PB berada di barisan hadapan transformasi pendidikan teknikal di bawah Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Dari PB, baginda berkenan

berangkat meneruskan lawatan ke dua buah kampus di bawah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), di mana baginda mula-mula berangkat ke IBTE Kampus Bisnes bertempat di Jalan Pasar Gadong.

Keberangkatan baginda di kampus tersebut dijunjung oleh Ketua Sekolah Bisnes, Dayang Masnalliza binti Haji Mohd. Zaini; Pengurus Akademik, Hajah Siti Fatheyiah binti Haji Menudin; dan Pengurus Operasi,

Awang Haji Mohd. Sofian bin Lamit serta Pegawai Pengurusan Kanan IBTE dan tenaga pengajar.

Semasa lawatan tersebut, baginda berkenan meninjau lebih dekat IBTE Youth Entrepreneurship Service (YES) Centre, Blok Pentadbiran, Corporate Lounge, surau, kelas-kelas dan perpustakaan kampus berkenaan.

Mengiringi baginda semasa keberangkatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, (Pembangunan), IBTE, Awang Norjemee bin Jenek.

IBTE Kampus Bisnes ketika ini mempunyai seramai 549 orang pelajar yang menjalani pengajian mereka di bawah program peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal selama dua tahun dan Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal selama satu tahun dalam beberapa program, iaitu HNTec dalam Perniagaan dan Kewangan (HNTec in Business and Finance), HNTec dalam Pentadbiran Pejabat (HNTec in Office Administration) dan NTec dalam Perniagaan dan Pentadbiran (NTec in Business and Administration).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada tenaga pengajar PB (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan bergambar bersama warga PB, sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama pelajar PB.

Ke muka 5





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke IBTE Kampus Bisnes (kiri dan kanan).

Dari muka 4

IBTE Kampus Bisnes mempunyai dua cawangan sekolah, iaitu di IBTE Kampus Bisnes, Gadong dan IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Seria. IBTE Kampus Bisnes juga mempunyai dua Authentic Learning Centres, iaitu IBTE YES Centre di IBTE Kampus Bisnes dan IBTE YES Centre di

IBTE Kampus Sultan Bolkiah. Baginda mengakhiri Keberangkatan Tidak Berjadual di IBTE School of Aviation (Sekolah Penerbangan) bertempat di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Jalan Utama Berakas. Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di School of Aviation dijunjung oleh Ketua School of Aviation, Awang Burhan bin Haji

Ajak yang juga selaku Pengurus. Semasa sekolah berkenaan, baginda berkenan melawat ke Hangar, yang diikuti dengan lawatan ke kelas program HNTec in Aircraft Maintenance Engineering dan mengakhiri keberangkatan baginda di Dewan Kuliah, di mana baginda berkenan mengurniakan titah. IBTE School of Aviation ketika ini mempunyai seramai 269

orang pelajar yang menjalani program-program, termasuk HNTec in Aircraft Maintenance Engineering (Airframe and Engine); HNTec in Aircraft Maintenance Engineering (Avionics); dan HNTec in Electronics and Communications Engineering. IBTE berfungsi sebagai penyedia latihan teknikal yang utama di NBD dalam

membangunkan kecekapan kemahiran teknikal pelajar bagi memenuhi keperluan industri, di samping mewujudkan peluang untuk lepasan sekolah dan pelajar dewasa untuk memperoleh kemahiran, pengetahuan dan nilai untuk kebolehpasaran dan pembelajaran sepanjang hayat.

Ke muka 6



KEBAWAH DYMM juga berkenan meninjau kelas dan juga kemudahan yang ada di kampus tersebut (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada pelajar kampus berkenaan.



PARA pelajar juga tidak melepaskan peluang untuk beramah mesra dan mengabdikan kenangan bergambar bersama raja tercinta (kiri).



KEBAWAH DYMM pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke IBTE School of Aviation, bertempat di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Jalan Utama Berakas (atas). Manakala gambar kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada pelajar kampus berkenaan.



Dari muka 5
Selain itu, IBTE juga berfungsi untuk membangunkan program kerjasama dengan industri untuk memastikan kesahihan program latihan dan penyelarasan kursus dengan keperluan industri. Visi IBTE ialah 'Pendidikan

Teknikal Merangkumi Yang Dinamik Sepanjang Hayat', manakala misinya pula ialah 'Memupuk Pelajar Agar Menjadi Lebih Kompeten dan Bertanggungjawab Secara Sosial Ke Arah Pembangunan Ekonomi Yang Dinamik'. IBTE mewujudkan dua

rangkaian sekolah yang bertujuan untuk menyediakan sistem pengurusan kampus yang berkesan dan teratur di bawah IBTE. Kedua-dua rangkaian sekolah dikenali sebagai 'IBTE Central' dan 'IBTE Satellite' dan dibahagikan kepada sembilan buah sekolah yang dikelompokkan mengikut

kawasan pengkhususan. IBTE Central terdiri daripada School of Aviation; School of Business; School of Building Technology Services; School of Energy and Engineering; School of Hospitality and Tourism; dan School of ICT. Sementara IBTE Satellite mengandungi School of Energy

and Engineering Satellite; Brunei Maritime Academy; dan School of Agro-Technology and Applied Sciences. Setentunya keberangkatan Kebawah DYMM ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemeduliaan baginda terhadap perkembangan IPT di negara ini.



BAGINDA juga berkenan meninjau sesi pembelajaran di beberapa buah kelas di kampus berkenaan (kiri dan kanan).



HANGAR yang terdapat di IBTE School of Aviation (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan berinteraksi bersama pegawai dan kakitangan kampus tersebut.

Kerjasama erat capai kualiti pendidikan tinggi, berprestij



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD semasa menyampaikan sijil kepada pelajar.

Dari muka 1

Terdahulu, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah BIBD Alaf dan Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman, dalam ucapannya menyatakan, Program BIBD ALAF adalah program yang sangat unik dan merupakan satu-satunya program bantuan pembelajaran sepanjang hayat yang komprehensif di negara ini, dengan pengkhususan diberikan pada kecemerlangan pembelajaran pelajar-pelajar, daripada golongan tertentu dan dibiayai sepenuhnya oleh BIBD.

Jelasnya, komitmen BIBD pada kejayaan Program BIBD ALAF diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Pusat Pengupayaan dan Kecemerlangan atau CEE,

yang dijadikan sebagai pusat kegiatan pelajar, dilengkapi dengan bilik bacaan, makmal komputer, ruang kolaborasi, bilik tuisyen dan kaunseling, inkubator teknologi IT dan pelbagai kemudahan lain yang dihasrat untuk memacu peningkatan mutu pembelajaran pelajar BIBD ALAF.

"Alhamdulillah, sukacita saya mengongsikan, berkat usaha sepadu dan pengupayaan daripada rakan kongsi Program BIBD ALAF, kesemua pelajar BIBD ALAF telah mencatatkan keputusan yang cemerlang dalam kesemua peperiksaan umum yang diduduki," tambah beliau lagi.

Beliau menambah, BIBD ALAF juga banyak mengetengahkan pembangunan kapasiti yang

memfokuskan kepada menjana kemahiran-kemahiran yang relevan dan memenuhi keperluan pihak industri, sebagai misalan, pelajar-pelajar ALAF membentangkan isu Internet of Things (IoT), Artificial Intelligence (AI) dan Realiti Maya atau Virtual Reality (VR) dalam salah satu program yang diungkapkan, pada tahun 2020 dan ini merupakan salah satu usaha bagi memperkukuh kemahiran juga mendedahkan pelajar-pelajar BIBD ALAF kepada kepakaran dan ilmu yang sangat diperlukan dalam era Revolusi Industri (RI) 4.0.

"Alhamdulillah, sokongan yang disalurkan kepada Program BIBD ALAF oleh kesemua pihak sangat dihargai dan telah memberikan kesan yang positif kepada semua penuntut di dalam program ini. Tidak dilupakan, kejayaan program ini juga adalah hasil kerjasama yang penuh dedikasi dan ikhlas daripada para penuntut-penuntut, ibu bapa, penjaga, guru-guru Hal Ehwal Pelajar ALAF yang memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap kejayaan pembelajaran mereka," ujarnya.

Beliau percaya dan yakin, hanya melalui kerjasama yang erat dan sepadu daripada semua pihak, Program BIBD ALAF akan menjadi lebih inklusif dalam mencapai kualiti pendidikan yang tinggi dan berprestij. Sekali gus, memastikan masa depan para penuntut yang lebih cemerlang juga berupaya untuk menjana kehidupan yang berkualiti tinggi bagi mereka dan keluarga mereka, insyaaAllah.

Setakat ini, jumlah keseluruhan penuntut-penuntut di bawah program ini, termasuk pelajar-pelajar baharu, adalah seramai 243 pelajar, terdiri daripada 43 pelajar di peringkat Rendah; 162 pelajar di peringkat

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Menengah; 11 pelajar di peringkat Pra-Uni; empat lagi yang menduduki peperiksaan GCE 'A' Level, manakala 10 pelajar pula mengikuti kajian di politeknik dan universiti tempatan mahu pun di luar negara dan sementara 13 lagi pelajar masih menunggu Keputusan Peperiksaan GCE 'O' Level mereka.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dan yang hadir berkesempatan meninjau secara lebih dekat lagi pusat berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazan bin Haji Yusof selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD; Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD At-Tamwil Berhad; dan BIBD Securities Sdn. Bhd.; Ahli-ahli Lembaga Pemegang



TIMBALAN Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Amanah Program BIBD ALAF; Pegawai-pegawai Kanan kerajaan; dan BIBD; Ahli-ahli Jawatankuasa BIBD ALAF; para ibu bapa; penjaga; dan para pelajar BIBD ALAF Pengambilan Ke-8.



ANTARA para pelajar BIBD ALAF pada tahun ini.

Patuhi garis panduan raikan Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Berikutan Sidang Media pada 14 Jamadilakhir 1442 bersamaan 28 Januari 2021 mengenai arahan berjaga-jaga semasa Perayaan Tahun Baharu Cina.

Berikut adalah garis panduan bagi Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina :

i) Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina boleh diraikan bersama ahli keluarga sahaja dengan mengadakan acara persendirian (*private events* sahaja);

ii) Kebenaran adalah diberikan kepada keluarga yang besar untuk mengadakan sambutan di dewan bankuet di hotel atau restoran dengan memastikan garis panduan perkumpulan ramai dipatuhi, termasuk menyediakan *hand sanitizer* dan menyediakan alat

pemeriksaan suhu badan, di tempat-tempat masuk premis. Jika jumlah ahli keluarga terlalu ramai, hadkan jumlah kehadiran kepada maksima 350 orang sahaja;

iii) Lion Dance adalah dibenarkan dan bagi tempat yang akan mengadakan acara tersebut adalah dikehendaki untuk mendapatkan Kod QR BruHealth terlebih dahulu. Ahli-ahli Lion Dance Troupe dan jemputan yang hadir perlu mengimbas Kod QR BruHealth sebelum memasuki dan keluar premis berkenaan;

iv) Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau berasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi atau diziarahi oleh ahli keluarga;

v) Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan

hendaklah dielakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya daripada menyentuh atau membuat kontak fizikal bersama orang lain;

vi) Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih juga terjaga, terutama sekali kebersihan tangan;

vii) Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa; dan

viii) Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum, seperti sudu, garpu, piring dan cawan. Walaupun Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina adalah berbeza dari tahun-tahun yang sebelum, adalah diharap sambutan pada tahun ini masih dapat diraikan dengan rasa gembira bersama ahli keluarga tersayang dengan selamat.

Apa yang penting ialah

untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial kita untuk menghindari daripada penularan wabak COVID-19.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai

boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHJAJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PISC RECRUITMENT

Mantapkan bacaan Al-Quran, sahsiah pelajar

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) buat pertama kalinya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Pembudayaan Membaca Al-Quran 30 Juzuk : Satu Semester Satu Khatam bagi mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB yang



MAHASISWI dari KUPU SB yang menyertai Majlis Khatam tersebut.

Penutupan sementara sebahagian jalan di Lebuhraya Muara-Tutong

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya



SEBAHAGIAN jalan di Lebuhraya Muara-Tutong menuju ke Rancangan Perumahan Negara Lugu akan ditutup buat sementara waktu bagi kerja-kerja beam launching dapat dilaksanakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada pengguna jalan raya bahawa sebahagian jalan di Lebuhraya Muara-Tutong menuju ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lugu akan ditutup buat sementara waktu bermula Rabu, 3 Februari 2021 hingga Ahad, 7 Februari 2021, dari jam 10.00 malam hingga jam 5.00 pagi hari berikutnya.

Penutupan jalan di lebuh raya berkenaan adalah diperlukan bagi memberi laluan untuk kerja-kerja beam launching dapat dilaksanakan bagi projek pembinaan jejambat dari Lebuhraya Muara-Tutong ke RPN Lugu.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.

diadakan di Dewan Tarbiyah, kolej berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Datin.

Seramai 346 mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB dari program Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah, Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dan program Diploma diraikan dalam majlis khatam tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Asmaul Husna serta diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Sejurus selepas itu, bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas beramai-ramai oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Tahlil yang dipimpin oleh Tenaga Akademik Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya, dan kemudiannya bacaan Doa Khatam dibacakan oleh mahasiswa program Diploma Pengajian Seni Al-Quran, Awang Faizuddin bin Haji Murni.

Majlis diselenggarakan dengan bacaan Doa Tahlil 100 Hari Kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (dua, kanan) dan Datin semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Pembudayaan Membaca Al-Quran 30 Juzuk : Satu Semester Satu Khatam bagi mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang diketuai oleh Penolong Pensyarah Fakulti Syariah, KUPU SB, Awang Azman bin Kasim.

Penyampaian cenderahati bunga telur kepada tetamu kehormat majlis disampaikan oleh Ra'ees KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khas KUPU SB oleh Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi.

Program tersebut dikendalikan di bawah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB yang dilaksanakan selama tempoh 11 minggu bermula bulan September hingga November 2020.

Antara tujuan program tersebut adalah sebagai usaha memberikan kemahiran dan meningkatkan tahap bacaan Al-Quran dan seterusnya memantapkan sahsiah pelajar dalam bidang perguruan agama dengan menjadikan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Dari muka 1

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 39 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, manakala seramai lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan alhamdulillah, satu kes sembuh hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 172 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 443 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,373 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 177 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 92,288 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai

boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	180		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	5	3	172

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (272 hari yang lalu)	39 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
443	12,373

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
177 sampel	92,288

Sumbangan buku wakili kepelbagaian budaya Kanada

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

TUNGKU LINK, Isnin, 1 Februari. - Sudut bacaan Le Coin Canadien atau The Canadian Corner, yang menempatkan koleksi 40 buah buku, sumbangan Suruhanjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dilancarkan di Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB), di sini.

Koleksi buku berkenaan merangkumi topik-topik berkaitan negara Kanada, termasuk klasik, sejarah, puisi dan biografi.

Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Suruhanjaya Tinggi Kanada ke NBD untuk memperkayakan sumbangan kesuasasteraan komuniti akademik di negara ini, di samping memperkukuhkan hubungan di antara suruhanjaya tinggi tersebut bersama UTB.

Hadir bagi menyerahkan

sumbangan buku itu, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Jeanette Adele Stovel kepada Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Terdahulu, Naib Canselor UTB, dalam ucapan alu-aluannya, melahirkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Tinggi Kanada atas sumbangan buku-buku berkenaan, yang akan ditempatkan di Canadian Corner, Perpustakaan UTB.

Dalam ucapannya, di mana beliau percaya Canadian Corner dapat menyumbang kepada usaha-usaha UTB untuk memperkembangkan para pelajar ke arah rakyat global yang menghargai budaya juga pandangan dan sensitif pada

isu-isu yang memberikan kesan kepada masyarakat global.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD dalam ucapannya berkata, buku-buku yang disumbangkan itu mewakili kepelbagaian budaya di Kanada, termasuk budaya puak-puak asli dan golongan penghijrah.

Sumbangan buku Suruhanjaya Tinggi Kanada tersebut diharap akan dapat menjadi tambahan khas bagi koleksi Misi Negara Asing (Foreign Mission), perpustakaan berkenaan, yang semakin meningkat, di samping memupuk minat membaca dalam kalangan komuniti UTB.

NAIB Canselor UTB semasa menyerahkan cenderamata kepada Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam.



Kaveat dibukakan mulai 1 Februari 2021

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Isnin, 1 Februari. - Pelaksanaan sebahagian daripada Perintah (Pindaan) Kanun Tanah, 2016 khususnya Seksyen 5, iaitu peruntukan mengenai dengan pelaksanaan kaveat telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

Kaveat merupakan satu instrumen yang bertindak sebagai perlindungan sementara untuk mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan di atas satu-satu tanah atau dalam makna lain, ia merupakan sekatan atau mekanisme yang disediakan oleh undang-undang untuk melindungi kepentingan seseorang ke atas urusan niaga hartanah yang berfungsi membantu melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu ke atas sesuatu tanah dengan memasukkan atau mendaftarkan

kepentingan tersebut ke Daftar Tanah.

Kaveat mula dibukakan kepada orang awam mulai 1 Februari 2021 dengan Majlis Pelancaran Perlaksanaan Kaveat yang diadakan di Unit Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah, di sini, yang disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Dayang Hajah Maslina binti Haji Abu Bakar.

Menurut Dayang Hajah Maslina, perkembangan tersebut merupakan signifikan dalam urusan tadbir tanah negara dalam usaha untuk memberikan perlindungan kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan ke atas tanah, di samping meningkatkan perkhidmatan jabatan tersebut kepada orang ramai.

Orang ramai yang berhajat menghadapi permohonan kaveat adalah terlebih dahulu diperlukan untuk membuat temu janji dan akan diberikan tarikh untuk hadir menghadapi permohonan tersebut.

Pemohon juga dinasihatkan agar



PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Dayang Hajah Maslina binti Haji Abu Bakar semasa melancarkan majlis tersebut.

menghadapkan permohonan kaveat ke Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah yang dipohonkan.

Maklumat berkaitan dengan kaveat, termasuk borang permohonan kaveat boleh diperoleh dengan membelinya di kaunter pembayaran Jabatan Tanah di keempat-empat daerah dan juga boleh diperoleh secara percuma dengan memuat turun melalui Laman Sesawang Jabatan Tanah di alamat www.land.gov.bn atau melalui akaun Instagram rasmi Jabatan Tanah, @jabatantahan.bn.

Setiap pemohon yang memohon kaveat dikehendaki untuk menghadapi geran tanah asal dan juga Surat Akuan Bersumpah (Statutory Declaration) ke Jabatan Tanah sebelum permohonan tersebut diterima.

Bukan itu sahaja, mana-mana Pemasuk Kaveat (Kaveator) yang didapati memohon kaveat-kaveat palsu atau tidak benar boleh menyebabkan Kaveator berkenaan berhadapan dengan tindakan diadukan ke mahkamah serta dikehendaki membayar ganti rugi atau pampasan ke atas kesulitan yang berlaku akibat dari kaveat palsu atau tidak benar tersebut.

Alat penghawa dingin punca kebakaran

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat



ANGGOTA bomba yang dikerahkan ke insiden kebakaran di KFC Drive-Thru, Sengkurong tersebut.

SENGKURONG, Isnin, 1 Februari. - Seramai 13 anggota dari Balai Bomba Jerudong, diketuai oleh DSO Serudin bin Haji Osman dikejarkan ke insiden kebakaran di KFC Drive-Thru, Sengkurong, baru-baru ini.

Ketika sampai di tempat kejadian, didapati api telah berjaya dipadamkan oleh seorang pekerja KFC menggunakan sebiji alat pemadam api, jenis Dry Powder 2.5 kilogram (kg). Kebakaran melibatkan alat penghawa dingin Jenis Ducted York 10hp.

Tindakan ahli Bomba hanyalah bersedia dengan membawa sebiji alat pemadam api jenis Karbon Dioksida (CO2) 2.5kg. Punca dan kerugian masih dalam penyiasatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan orang ramai agar sentiasa memastikan kediaman awda dilengkapi dengan peralatan keselamatan, iaitu alat pemadam api, seperti Jenis 'Dry Powder', Selimut Api (Fire Blanket) atau Alat Pengesan Asap (Smoke Detector Battery Operated), selain memastikan pemasangan pendawaian dan peralatan elektrik di dalam kediaman dilaksanakan oleh pekerja yang bertauliah dan pastikan menutup (*switch off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan rumah.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat yang tepat.



ORANG awam yang sedang berurusan di Kaunter Kaveat.

8 pegawai polis naik pangkat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Isnin, 1 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai lapan orang pegawai polis dinaikkan pangkat yang berkuat kuasa bermula pada 1 Disember 2020.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) itu dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali bersama Pengiran Datin.

Para pegawai yang dinaikkan pangkat berkenaan terdiri daripada dua pegawai yang dinaikkan pangkat ke Penolong Penguasa Polis, tiga orang pegawai dinaikkan ke pangkat Ketua Inspektor Polis, manakala tiga orang pegawai lagi dinaikkan pangkat ke Inspektor Kanan Polis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan ahli keluarga pegawai yang diraikan.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Pegawai-pegawai Kanan Polis semasa sesi bergambar ramai bersama para pegawai yang baru dinaikkan pangkat.



PESURUHJAYA Polis, PPDB semasa menyempurnakan tanda pangkat kepada pegawai-pegawai polis yang baru dinaikkan pangkat (kiri dan kanan).

Hikmah COVID-19 dari perspektif Islam



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada forum sempena Majlis Ilmu 2020 (atas), sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



KUALA BELAIT, Selasa, 2 Februari. - Forum Hikmah Wabak COVID-19 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai hikmah di sebalik wabak COVID-19 dan kesannya kepada orang ramai melalui perspektif Islam.

Sehubungan itu, bersempena Majlis Ilmu 2020, pihak Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan Majlis Ilmu 2020 menganjurkan sebuah forum bertajuk 'Hikmah Wabak COVID-19' di Dewan Persidangan, Kuala Belait.

Ahli-ahli panel bagi forum tersebut ialah Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Awang Haji Sammali bin Haji Adam dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pegawai Perubatan dari Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Muhammad Norizni bin Haji Mosli.

Sementara moderator bagi forum tersebut ialah Pegawai Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Muhamad Ali.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Turut hadir, Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin.

Yang Berhormat juga turut menyaksikan pameran sempena Majlis Ilmu 2020.

Forum sempena Majlis Ilmu 2020 itu diungkuayahkan

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



ANTARA ahli panel dan moderator forum semasa membentangkan forum tersebut.

bersama oleh Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Jawatankuasa Kerja tersebut.

Pameran juga akan diadakan di masjid-masjid dan Dewan Kemasyarakatan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong di sepanjang bulan Februari tahun ini sebagai acara sampingan.

Susulan acara seterusnya ialah sebuah forum bertajuk 'Kanser, Pencegahan dan Rawatan'

yang akan diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop pada Khamis, 21 Jamadilakhir 1442H bersamaan dengan 4 Februari 2021M, iaitu selepas Sembahyang Fardu Isyak.

Mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2020, orang ramai bolehlah mengikuti laman sesawang www.majlisilmu.gov.bn dan media sosial rasmi Majlis Ilmu 2020 (@mi.brunei.2020 dan Facebook : Majlis Ilmu 2020) bagi maklumat lanjut.

Penjagaan anak *mumaiyyiz* apabila berlaku perbalahan mengenainya akibat perceraian ibu bapa

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

APABILA berlaku perceraian ibu bapa dan berlaku perebutan penjagaan anak, perkara mengenai siapa yang berhak menjaga anak yang sudah *mumaiyyiz* adalah berbeza dari anak yang belum *mumaiyyiz*. Anak *mumaiyyiz* ialah anak yang sudah boleh menguruskan urusan-urusannya yang tertentu dengan sendirinya tanpa berhajat kepada bantuan orang lain dalam penyediaan makan minum, qadha hajat, pembersihan diri dari kotoran dan melaksanakan perkara-perkara kebersihan seperti wudhu dan sebagainya.

Bagi anak yang belum *mumaiyyiz*, ibu adalah yang lebih berhak daripada bapa atau daripada yang lainnya ke atas penjagaannya apabila berlaku perceraian dan perebutan untuk mendapatkan penjagaan anak melainkan ibu itu hilang kelayakan penjagaan yang ditetapkan syara'. Jika berlaku sedemikian, maka anak kecil itu diserahkan kepada orang lain (kerabat lain mengikut susunan keutamaan yang ditentukan syara') untuk dijaga selama mana ibu terhalang dari mendapat hak penjagaan. Penjagaan anak kecil ini disebut juga sebagai *hadhanah*.

Manakala bagi anak yang sudah *mumaiyyiz*, baginya pula hukum khusus berkaitan penjagaannya. Sebahagian ulama menyebutnya sebagai *hadhanah*, manakala sebahagian lagi menyebutnya sebagai *kafalah*. Perkara mengenai siapa yang berhak menjaganya adalah berbeza dari anak yang belum *mumaiyyiz*. Berikut penjelasan mengenainya.

Penjagaan anak *mumaiyyiz* berdasarkan pilihannya

Apabila berlaku perceraian kedua ibu bapa dan berlaku perebutan penjagaan anak antara keduanya, maka bagi anak yang telah *mumaiyyiz*, dia berhak memilih salah satu antara keduanya sebagaimana riwayat daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, katanya :

Maksudnya: "Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam memberikan pilihan (kepada) seorang *ḥadīth* (untuk memilih) antara bapanya atau ibunya."

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Pengarang Kitab Tuhfah al-Ahwadzi bi syarh Jami' at-Tirmidzi menjelaskan bahawa perkataan *ḥadīth* dalam hadits di atas

membawa maksud anak yang *mumaiyyiz* dan dia ada hak untuk memilih antara bapa atau ibunya apabila berlaku perceraian antara keduanya, dan inilah menurut pendapat dalam mazhab asy-Syafi'e.

Ini bermaksud, anak yang *mumaiyyiz* berhak memilih antara bapa atau ibunya apabila kedua-duanya memenuhi syarat-syarat *hadhanah* sebagaimana digariskan syara'. Antara syarat-syarat *hadhanah* ialah kedua-duanya hendaklah Islam, berakal, adil (tidak fasiq), bermastautin pada satu tempat dan ibu tidak berkahwin dengan lelaki lain.

Apabila seorang anak itu sudah memilih salah seorang antara keduanya, kemudian dia memilih yang seorang pula, maka berpindah hak penjagaan itu daripada pilihannya yang pertama kepada pilihannya yang kedua. Walau bagaimanapun sekiranya dia berbalik semula pada pilihannya yang pertama, maka hak penjagaannya berpindah semula kepada pilihannya yang pertama. Sebagai contoh, si anak tersebut pada awalnya memilih ibunya namun kemudiannya memilih bapanya, maka hak penjagaannya adalah ke atas bapanya. Namun kemudiannya dia bertukar fikiran dan memilih semula ibunya, maka berpindah hak penjagaannya itu pula ke atas ibunya.

Akan tetapi sekiranya berulang kali berlaku pemilihan itu (anak banyak kali bertukar-tukar memilih antara ibu dan bapa), dan dengan sangkaan (kuat) bahawa perbuatan anak yang berulang kali melakukan pemilihan itu adalah disebabkan kurang akal anak tersebut, maka dalam perkara ini, hak penjagaan berhak ke atas ibu walaupun anak tersebut sudah baligh. Kedudukan ini sama seperti anak yang belum *mumaiyyiz* di mana hak penjagaan berhak ke atas ibu.

Kedudukan pemilihan anak *mumaiyyiz* terhadap ibu atau bapanya

Apabila anak yang *mumaiyyiz* memilih salah seorang antara kedua ibu bapanya atau memilih kedua-duanya atau tidak memilih langsung, maka hukum kedudukannya sebagaimana berikut:

1) Jika anak lelaki atau perempuan memilih bapanya, maka hendaklah anak tersebut diserahkan kepada bapanya untuk dijaga. Manakala dengan ibu pula adalah sebagaimana berikut:

i. Sekiranya dia anak lelaki, maka bapa tidak boleh menghalangnya dari keluar rumah untuk menziarahi ibunya kerana dikhuatiri boleh membawa kepada perbuatan derhaka dan memutus

silaturrahim. Di samping itu ia tidak membebaskan ibunya untuk keluar menziarahi anak lelakinya itu. Ini kerana, anak lelaki lebih utama untuk keluar menziarahi ibu berbanding ibu keluar menziarahinya. Walau bagaimanapun sekiranya ibu datang melawat anak lelakinya ke rumah bapa, maka bapa tidak patut menghalang ibu untuk menemui anak lelakinya dengan syarat tidak berlaku khalwat seperti bapa bersendirian dengan ibu tanpa ada mahram dan tidak menimbulkan kecurigaan.

ii. Sekiranya dia anak perempuan pula, maka bapa adalah dianjurkan untuk menghalang anak perempuannya dari keluar rumah menziarahi ibu bagi memastikan anak perempuan itu terjaga. Sekiranya ibu ingin menemuinya, maka ibu lebih utama untuk keluar menziarahi anak perempuannya berbanding anak perempuannya keluar menziarahinya disebabkan umur dan pengalaman ibu.

Dalam perkara ibu ziarah anak ke rumah bapa, hendaklah juga berhati-hati dan mencegah dari berlakunya khalwat dan menimbulkan kecurigaan. Adalah elok ia dilakukan sekali sahaja setiap dua hari atau lebih (menurut adat biasa) dan tidak dilakukan pada setiap hari. Walau bagaimanapun jika rumah ibu dekat, maka tidak mengapa ibu melakukannya setiap hari sebagaimana disebut Imam al-Mawardi Rahimahullah. Begitu juga hendaklah dia tidak berada di sana pada jangka waktu yang lama.

Mengenai perkara ibu yang berkeuzuran untuk menziarahi anak disebabkan seperti sakit atau dilarang suami barunya, maka menurut Ibn ash-Shalah Rahimahullah ibu boleh meminta anak perempuannya untuk datang menziarahinya dengan wali atau penjaga anak perempuan itu hendaklah menghantarnya kepada ibunya dengan syarat tiada berlakunya khalwat dan menimbulkan kecurigaan

iii. Jika anak yang *mumaiyyiz* sama ada dia lelaki atau perempuan yang di bawah jagaan bapa itu sakit, maka ibu lebih utama merawat keduanya kerana ibu lebih komited dan lebih bersabar menghadapi yang sedemikian berbanding bapa dan yang lainnya. Jika bapa setuju ibu menjaga anak yang sakit di rumah bapa, maka ibu menjaga anak di rumah bapa dengan syarat tiada khalwat dan tidak menimbulkan kecurigaan. Manakala jika sebaliknya iaitu bapa tidak setuju ibu menjaga di rumahnya, maka terpulang bapa untuk memindah anak yang sakit itu ke rumah ibu untuk dirawat dan dijaga. Walau bagaimanapun sekiranya

IRSYAD HUKUM

IRSYAD HUKUM

جاءت في كل حين
بما نزل من القرآن والسنن

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

dengan memindah anak yang sakit dari rumah bapa ke rumah ibu itu memudaratkan anak tersebut, maka perpindahan itu adalah ditegah.

2) Jika anak lelaki atau perempuan memilih ibunya, maka berlaku kedudukannya sebagaimana berikut:

i. Jika anak lelaki memilih ibu, maka dia hendaklah di rumah ibunya pada malam hari. Manakala pada siang hari pula, dia bersama bapa. Bapa wajib mendidik dan mengajar anak itu tentang perkara-perkara agama dan duniawi serta menghantar ke tempat belajar seperti sekolah.

ii. Sekiranya dia anak perempuan, maka dia hendaklah bersama ibu pada waktu siang dan malam. Manakala bapa hanya menziarahinya menurut adat biasa iaitu sekali sahaja setiap dua hari atau lebih dan tidak pada setiap hari serta ia dilakukan pada waktu siang bagi mengelak tohmah dan kecurigaan.

Apabila bapa menziarahi anak perempuan di rumah ibu, hendaklah bapa masuk ke rumah ibu dengan kebenaran ibu serta tidak mendatangkan kecurigaan dan tidak bersendirian dengan ibu sebagaimana dinukilkan oleh Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah. Manakala jika ibu berkahwin, hendaklah bapa masuk ke rumah dengan izin suami ibu. Jika sekiranya tiada kebenaran atau keizinan daripada suaminya, ibu hendaklah membawa anak perempuannya kepada bapa untuk bapa melihatnya, memeriksa keadaannya, memberi perhatian kepadanya terutama bagi menyempurnakan pendidikannya, pelajarannya dan barang keperluannya.

3) Jika dia memilih kedua ibu bapa, maka hendaklah dibuat undian antara keduanya bagi memutuskan perbalahan tentang penjagaan anak.

4) Jika dia tidak memilih salah seorang dari kedua ibu dan bapa atau langsung tidak membuat pemilihan, maka ibu adalah berhak terhadap penjagaan ke atas anak tersebut kerana ibu lebih utama untuk menjaganya dan lebih pengasih terhadap anak.

BERSAMBUNG

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

DAN orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa : "Ya Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang lebih dahulu beriman daripada kami dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Ya Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau sangat melimpah belas kasihan-Mu lagi Maha Pengasih." - Surah al-Hasyr : 10

Kehidupan seharian kita ini sering kali diingatkan agar sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh

keikhlasan kerana Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui akan permintaan hamba-Nya yang bersungguh-sungguh berdoa.

Di dalam Al-Quran terdapat banyak doa yang boleh kita sama-sama amalkan dalam kehidupan kita sebagai individu mahupun untuk kesemua masyarakat Islam khususnya. Surah al-Hasyr ayat 10 seperti di atas melihatkan betapa indahnnya pengajaran daripada ayat tersebut.

Ia menggambarkan contoh hubungan persaudaraan antara orang mukmin yang saling mendoakan sesama mereka. Setiap di antara kita pastinya berdoa agar dikurniakan kebaikan kebajikan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam pekerjaan, kesihatan, keselamatan dan

kebahagiaan. Namun, pernahkah kita mendoakan untuk saudara kita yang lain? Pernahkah kita mendoakan kebaikan bagi mereka, sepertimana kita inginkan kebaikan buat diri kita?

Kita perlu mengetahui dan tahu bahawa mendoakan kebaikan untuk orang lain adalah salah satu amalan terpuji yang diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia merupakan doa yang mudah dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi sekiranya kita berdoa tanpa pengetahuan saudara kita. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud :

"Doa seorang Muslim untuk saudaranya yang dipanjatkan tanpa pengetahuan

saudaranya adalah mustajab".

Alangkah indahnnya sekiranya amalan yang mulia ini dapat dihayati dan dibudayakan dalam kehidupan seharian kita. Ia dapat melahirkan jiwa yang suci, bersih daripada sifat-sifat iri hati, mementingkan diri sendiri dan sebagainya. Ia dapat menghidupkan semangat prihatin dan perasaan kasih sayang sesama kita.

Setiap kita mengharungi pelbagai cabaran yang berbeza. Dalam apa jua keadaan yang kita lalui bersamalah kita memperkukuhkan dan mempereratkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia, pupuklah sifat rahmat dan kasih sayang sesama insan, dengan sentiasa memanjatkan doa sesama kita kerana kita saling memerlukan antara satu dengan yang lain.

Berbaik sesama insan

Pelajar tamat penempatan kerja diraikan



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah

PARA pelajar yang berjaya menamatkan penempatan latihan kerja di beberapa cawangan makanan segera di bawah Syarikat KFC (B) Sdn. Bhd. semasa bergambar ramai.

GADONG, Selasa, 2 Februari. - Dua pelajar yang mengikuti Program Pra-Vokasional diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Cawangan KFC, The Mall, Gadong setelah mereka berjaya menamatkan penempatan latihan kerja di beberapa cawangan makanan segera di bawah Syarikat KFC (B) Sdn. Bhd. pada bulan November tahun lepas.

Dua pelajar yang diraikan adalah Dayang Nor Asharani Seri anak

Amit dari Sekolah Menengah Menglait dan Awang Wan Mohammad Farhan Fakhruallah bin Wan Afdillah dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Dayang Nor Asharani Seri menjalankan penempatan latihan kerja di Cawangan KFC, The Mall, Gadong manakala Awang Wan Mohammad Farhan Fakhruallah menjalani penempatan latihan kerja di Cawangan KFC, Sengkulong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Sumber Manusia KFC (B) Sdn. Bhd., Anne Lembayung, Pengurus-pengurus Am Restoran dari Cawangan KFC, The Mall, Gadong dan Cawangan KFC, Sengkulong; Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Sia Ai Kim; Guru Kanan Program Pra-Vokasional Sekolah Menengah Menglait, Awang Samdani bin Haji Bakar, Pegawai

Pelajaran Kanan Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Pegawai Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan dan dua orang guru.

Penempatan latihan kerja pelajar berkenaan telah diuruskan oleh JSS untuk membantu sekolah menengah kerajaan dan UPK dalam mengenal pasti peluang bagi pelajar berkeperluan khas untuk mendapatkan pengalaman kerja bersesuaian dengan minat dan kebolehan pelajar dan berdekatan dengan rumah mereka.

Syarikat KFC (B) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan JSS sejak tahun 2014. Sehingga tahun 2021, empat pelajar Program Pra-Vokasional berjaya diambil bekerja oleh KFC (B) Sdn. Bhd. iaitu dua orang pelajar dari Sekolah Menengah Menglait termasuk Dayang Nor Asharani Seri dan dua orang pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain termasuk Awang Wan Mohammad Farhan Fakhruallah.

Selain bekerjasama dari aspek penempatan latihan kerja, pihak Syarikat KFC (B) Sdn. Bhd. juga berkolaborasi dengan JSS dengan menawarkan aktiviti pembungkusan *condiments* KFC di beberapa buah sekolah menengah kerajaan yang terpilih.

Setakat tahun 2021, tiga buah

sekolah menengah kerajaan melaksanakan aktiviti pembungkusan KFC *condiments* iaitu Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Menengah Menglait dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman. Melalui aktiviti ini, pelajar berpeluang untuk mempelajari asas kemahiran kerja.

Seterusnya Ketua Sumber Manusia KFC (B) Sdn. Bhd., Anne Lembayung menyampaikan sijil penyertaan kepada pelajar-pelajar yang diraikan.

Sebagai tanda penghargaan, Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Sia Ai Kim dan Guru Kanan Program Pra-Vokasional Sekolah Menengah Menglait, Awang Samdani masing-masing menyampaikan sijil-sijil penghargaan dan cenderahati kepada Ketua Sumber Manusia KFC (B) Sdn. Bhd. dan Pengurus-pengurus Am Restoran dari Cawangan KFC, Sengkulong dan Cawangan KFC, The Mall, Gadong.

Pegawai Pelajaran Kanan JSS, Awang Andree Asmara bin Haji Abidin juga menyampaikan sijil penghargaan kepada pihak KFC (B) Sdn. Bhd., Cawangan KFC, Sengkulong dan Cawangan KFC The Mall, Gadong.

Operasi Sepadu Langis : Warga asing ditahan

KUALA BELAIT, Selasa, 2 Februari. - Operasi Sepadu Langis JIPK 19/2021 yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bersama Bahagian Penguatkuasa Jabatan Buruh, Kuala Belait pada sekitar jam 9.30 malam baru-baru ini ke atas bengkel kereta di Jalan Sungai Duhon, Daerah Belait telah memeriksa seramai lapan orang warganegara asing semasa operasi tersebut.

Hasil pemeriksaan tersebut, tiga orang lelaki warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, kerana didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (2) iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Manakala seorang perempuan warganegara asing juga didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (2) iaitu tidak bekerja dengan majikan asal dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 seterusnya diarah melaporkan diri ke bahagian ini untuk tindakan selanjutnya.

Empat orang lagi lelaki warganegara asing pula didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (3) iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pas kerja yang dibenarkan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 seterusnya diarah melaporkan diri ke Bahagian ini untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, pada Operasi Sepadu Langis JIPK 20/2021 yang dilakukan hari ini, pihak penguatkuasaan telah membuat pemeriksaan ke atas tiga warganegara asing yang membuat pemasangan penghawa dingin di Jalan Masjid, Daerah Belait.

Hasil pemeriksaan tersebut, dua orang lelaki warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana salah seorangnya didapati melanggar peruntukan Peraturan 15(3) iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pas kerja yang dibenarkan.

Manakala seorang lagi

warganegara asing juga didapati melanggar peruntukan Peraturan 9(4) iaitu bekerja menggunakan pas lawatan sosial dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 180 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 271 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, enam kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 39 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 171 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 504 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,288 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 232 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Seorang lagi lelaki warganegara asing akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal

17 seterusnya di arah melaporkan diri ke bahagian ini untuk tindakan selanjutnya.

COVID-19 : Sifar kes baharu

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 92,111 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman

Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	180		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	171

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (271 hari yang lalu)	39 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
504	12,288

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2	
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
232 sampel	92,111



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bersama Bahagian Penguatkuasa Jabatan Buruh, Kuala Belait menjalankan Operasi Sepadu Langis baru-baru ini.

Berita Perdana kini dilengkapi Penyampai Jurubahasa Isyarat



Siaran Akhbar dan Foto :
Radio Televisyen Brunei

SIARAN Berita Perdana Radio Televisyen Brunei (RTB) kini dilengkapi dengan Penyampai Jurubahasa Isyarat bagi keperluan Orang Kurang Pendengaran (OKP) bermula 1 Februari 2021.

Kelainan Upaya (OKU), khususnya OKP.

Dengan ini, maklumat mengenai usaha-usaha dan pembangunan yang dibuat oleh pihak kerajaan boleh diperoleh dengan tepat dan cepat melalui Berita Perdana.

bagi keperluan Orang Kurang Pendengaran (OKP) bermula 1 Februari 2021.

Bahasa Isyarat adalah salah satu medium komunikasi yang digunakan secara universal dan kaedah ini juga turut digunakan oleh stesen penyiar serantau bagi liputan berita.

Inisiatif tersebut merupakan pendekatan senegara Whole of Nation Approach melalui kolaborasi dan kerjasama sepadu di antara Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Pendidikan (khususnya Unit Pendidikan Khas); Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); RTB dan Persatuan OKP.

Di negara ini, penggunaan Bahasa Isyarat diperkenalkan melalui Berita Perdana RTB kerana siaran Berita Perdana yang paling popular ditonton menurut hasil Kajian Audiens RTB.

Objektif utama penggunaan Bahasa Isyarat diadakan adalah untuk meluaskan lagi audiens siaran Berita Perdana RTB secara inklusif kepada golongan Orang

Berita Perdana merupakan saluran utama mengenai dasar-dasar dan usaha-usaha kerajaan serta mengenai hal ehwal perkembangan semasa di NBD dan juga menyiarkan maklumat terkini dan sah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Dalam usaha untuk merealisasikan misi masyarakat bermaklumat di semua lapisan rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD), kini siaran

Berita Perdana Radio Televisyen Brunei (RTB) dilengkapi dengan Penyampai Jurubahasa Isyarat

DARI MAHKAMAH Reman suspek bunuh disambung

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Siasatan berhubung kes pembunuhan di Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Jalan Derma Wangsa, Kuala Belait diteruskan lagi apabila Mahkamah Majistret membenarkan reman suspek disambung 14 hari lagi bermula hari ini dan akan diperdengarkan lagi pada 15 Februari 2021.

Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman mengeluarkan perintah itu untuk melengkapkan siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh, selepas mendengar permohonan pihak Pendakwa Raya, Rozaimah binti Haji Abd. Rahman di Mahkamah Majistret.

Hassan bin Yussof, 65 tahun dan Rosnani binti Tanga, 51 tahun, ditangkap pada 10 Oktober lalu bagi membantu siasatan. Suspek diwakili oleh Peguambela DC Roy Prabhakaran.

WAH terapkan gaya hidup sihat

Oleh : Mohamad Azmi Awang Damit
Infografik : Ihsan Pusat Promosi Kesihatan

kecergasan.

Bagi sebarang perkembangan terkini, warga Perkhidmatan Awam boleh mengikuti laman

media sosial Program WAH di Instagram : @wah_heal, Facebook : WAH & HEAL Programme dan Telegram : t.me/WAHprogramme.

Program WAH Sesi 2020/2021
Bagi Warga Perkhidmatan Awam

KOMPONEN

- PEMERIKSAAN KESIHATAN**
 - Sukat Indeks Jisim Badan (BMI)
 - Sukat tekanan darah
- BENGGEL KESIHATAN SECARA ONLINE**
 - Faktor risiko kardiovaskular (jantung dan strok) dan langkah-langkah berhenti merokok
 - Pemakanan sihat
 - Senaman dan cara hidup
 - Kesihatan mental
- 30 SESI SENAMAN PERCUMA**
 - Daftar dengan focal awda untuk menyertai sesi senaman berkumpulan selepas waktu bekerja secara percuma setiap minggu diketuai oleh studio kecergasan
 - Bantuan dan sumber bagi mempromosi kegiatan fizikal seperti "mobility breaks" di tempat kerja

Lebih 40 hadiah untuk dimenangi!
CABUTAN BERTUAH

DAPATKAN MAKLUMAT TERKINI

SCAN QR CODE

wa_h Heal
WAH & HEAL Programme
<https://bit.ly/WAHprogramme>

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

34 dari 49 buah sekolah menunjukkan peningkatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan pada hari ini mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' dan IGCSE Level Oktober / November 2020.

Pada peringkat nasional, seramai 6,137 orang calon yang menduduki Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E.'O' Level / IGCSE.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,362 atau 22.19 peratus memperoleh 8 hingga 11 'O' Level, iaitu meningkat sebanyak 3.25 peratus, dan seramai 2,779 calon atau 45.28 peratus memperoleh 5 hingga 12 'O' Level meningkat sebanyak 4.20 peratus. Manakala calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level ke atas ialah seramai 3,308 calon atau 53.90 peratus menunjukkan peningkatan sebanyak 5.31 peratus berbanding dengan pencapaian calon tahun 2019.

Pada tahun ini, daripada 5,694 calon sekolah, 2,775 calon atau 48.74 peratus memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level dengan peningkatan sebanyak 6.88 peratus daripada pencapaian tahun sebelumnya. Manakala seramai 3,295 calon atau 57.87 peratus memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level, di mana pencapaian ini meningkat sebanyak 8.36 peratus

dari tahun 2019.

Bagi calon sekolah kerajaan, seramai 1,010 calon atau 20.33 peratus memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' level, iaitu peningkatan sebanyak 3.52 peratus berbanding pencapaian pada tahun lalu. Daripada 4,967 calon sekolah kerajaan, seramai 2,202 calon atau 44.33 peratus mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' Level. Pencapaian ini meningkat sebanyak 6.31 peratus berbanding pada tahun 2019.

Seramai 586 calon sekolah (10.29 peratus) mendapat Gred A dalam 5 hingga 12 mata pelajaran. Seramai 98 calon (1.60 peratus) menunjukkan keputusan cemerlang dengan pencapaian Agregat 6, Gred A* dalam 6 hingga 11 mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 1.11 peratus dari tahun 2019.

Di samping itu, seorang calon (0.02 peratus) mendapat Gred A dalam 12 mata pelajaran dan 5 orang calon (0.09 peratus) memperoleh Gred A dalam 11 mata pelajaran.

Sementara 90 calon (1.58 peratus) mendapat Gred A dalam 8 mata pelajaran yang terdiri dari 49 calon dari sekolah kerajaan.

Seramai 121 calon (2.13 peratus) memperoleh Gred A dalam 7 mata

pelajaran, 149 calon (2.62 peratus) mendapat Gred A dalam 6 mata pelajaran dan 152 calon (2.67 peratus) mendapat Gred A dalam 5 mata pelajaran.

Sebanyak 34 daripada 49 buah sekolah yang terdiri dari 25 buah sekolah kerajaan dan sembilan buah sekolah swasta menunjukkan peningkatan di antara 0.75 peratus hingga 35.95 peratus berbanding pencapaian tahun 2019.

Pada tahun ini, seramai 548 calon yang mengikuti Program Pendidikan Menengah General 4 Tahun (Tahun 10), iaitu yang mengikuti dua tahun menengah bawah dan dua tahun menengah atas. Daripada jumlah ini, seramai 451 atau 82.30 peratus adalah calon dari sekolah kerajaan. Jumlah calon sekolah menengah kerajaan yang memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' Level adalah 355 calon atau 78.71 peratus meningkat sebanyak 15.36 peratus. Manakala seramai 436 calon sekolah menengah kerajaan atau 96.67 peratus memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level, juga meningkat sebanyak 5.42 peratus.

Prestasi calon di peringkat nasional dalam mata pelajaran Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level yang mendapat Gred A-C bagi 23 daripada 28 mata pelajaran adalah meningkat, iaitu Bahasa

**Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan**

Melayu; Pengetahuan Ugama Islam; English Language; Mathematics Syl. D; Chemistry; Physics; Combined Science; Kesusasteraan Melayu; Literature in English; Hafaz Al-Quran; History (2171); Computer Science; Geography; Economics; Bahasa Arab; Additional Mathematics; Statistics; Agriculture; Food and Nutrition; Art and Design; Travel and Tourism; dan Commerce dan Business Studies dengan peningkatan di antara 0.52 peratus hingga 26.58 peratus.

Bagi peperiksaan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE), pencapaian bagi lapan mata pelajaran, iaitu 510 English As a Second Language, 0511 English As a Second Language, Mathematics, Physical Education, Information and Communication, Design and Technology, Travel and Tourism dan Enterprise dalam lingkungan 1.41 peratus hingga 57.94 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2019.

Para penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut dimaklumkan

supaya mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing pada waktu sekolah, manakala calon-calon persendirian bolehlah mengambil slip keputusan masing-masing di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Dimaklumkan juga kepada penuntut-penuntut dan orang ramai yang layak dan berhasrat untuk menduduki peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level / IGCSE dalam bulan Mei / Jun tahun 2021 ini, hendaklah mendaftar dengan secepat mungkin, terus ke sekolah masing-masing atau Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan (bagi calon persendirian) pada waktu pejabat dibuka.

Untuk makluman tarikh tutup pendaftaran peperiksaan bulan Mei / Jun bagi calon-calon persendirian adalah pada Selasa, 16 Februari 2021. Manakala bagi calon-calon sekolah hendaklah menghadapkan permohonan melalui sekolah masing-masing.

Program perkasa pemahaman dakwah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Dakwah adalah amat penting kerana ia merupakan amalan terbaik dalam memberikan kefahaman yang betul kepada masyarakat terutamanya masyarakat yang kurang mendapat kemudahan untuk belajar secara formal mahupun tidak formal.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan mengadakan Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Qur'an dan Pengajian Kitab Turath bermula pada setiap Sabtu, 6 Februari 2021 dan akan berakhir pada 20 Mac 2021 bertempat di masjid-masjid terpilih di empat daerah di Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk Masjid Hassanal Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Masjid Kampung Penanjong Tutong, Masjid Sungai Liang, Kuala Belait dan Masjid Kampung Selangan, Daerah Temburong.

Tadabbur Al-Qur'an dan pengajian Kitab Turath akan disampaikan oleh pensyarah-pensyarah KUPU SB. Antara matlamat khusus diadakan program tersebut ialah ia diharapkan dapat menyebarkan dan memberi pendedahan dalam kalangan masyarakat di NBD dengan Tadabbur Al-Qur'an dan pengajian Kitab Turath terutamanya sebagai

rujukan kehidupan seharian.

Maklumat lanjut mengenai program tersebut, bolehlah

menghubungi Fakulti Usuluddin, KUPU SB melalui talian +673 2236277.

Siaran Akhbar dan Infografik : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

MINGGU I FEB 2021M 1442H

PROGRAM DAKWAH MELALUI TADABBUR AL-QUR'AN & PENGAJIAN KITAB TURATH

06 HB FEBRUARI 2021 M | JAM 08:30 PAGI

<p>DATIN DR. HJH NOOR HIRA BINTI HJ NOOR KASEH</p> <p>USTAZAH HJH WAIDURI BINTI HJ MD ALI</p> <p>Kitab Turath / Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah (BRUNEI-MUARA)</p>	<p>USTAZAH HJH AISYAH RADHIAH @ ROSNI BINTI HJ GANI</p> <p>USTAZAH DK ZAINAB BINTI PG HJ TUAH</p> <p>Kitab Turath / Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Mohammad Bolkiah, Kg Serusop (BRUNEI-MUARA)</p>
<p>PG DR. HJH NORWIDAYA WATI BINTI PG HJ METUSIN</p> <p>DR. HJH NORWATI BINTI HJ ABU BAKAR</p> <p>Kitab Turath / Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Jubli Perak, Kg Jangsak (BRUNEI-MUARA)</p>	<p>USTAZAH PG NURUL MAJEEDAH BINTI PG HJ HAMDAN</p> <p>USTAZAH NURUL AZIMAH BINTI ABDUL HAMID</p> <p>Kitab Turath / Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Kampung Sinaut (TUTONG)</p>

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam semasa berada di dalam masjid.

MINGGU I & III MAC 2021M 1442H

PROGRAM DAKWAH MELALUI TADABBUR AL-QUR'AN & PENGAJIAN KITAB TURATH

SELEPAS SOLAT FARDHU MAGHRIB

<p>06 MAC USTAZ HJ MOHD SHAHROL AZMI BIN HJ ABDUL MULUK</p> <p>Kitab Turath / Masjid Pg Hj Abu Bakar, Kg Bokok (TEMBURONG)</p>	<p>06 MAC DR. NAZIRUL MUBIN BIN AHAD</p> <p>Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Pg Anak Isteri Pg Anak Sarah, Kg Sg Kelugos (TUTONG)</p>	<p>06 MAC DR. HAJI SHAM BIN HAJI AMIN</p> <p>Kitab Turath / Masjid Kampong Belimbing, Subok (BRUNEI-MUARA)</p>
<p>06 MAC USTAZ HJ MD SYAHIRAN BIN HJ MD SOFIAN</p> <p>Kitab Turath / Masjid Al-Mashor, Kg Sungai Mau (KUALA BELAIT)</p>	<p>20 MAC USTAZ AZMAN BIN HAJI KASSIM</p> <p>Kitab Turath / Masjid Kampong Selangan (TEMBURONG)</p>	<p>20 MAC DR. HJ ROSLAN BIN HJ UNTONG</p> <p>Kitab Turath / Masjid Kampong Limau-Manis (BRUNEI-MUARA)</p>
<p>20 MAC USTAZ HJ NASRUL FAKHRI BIN HJ YAHYA</p> <p>Tadabbur Al-Qur'an / Masjid Kampong Sungai Teraban (KUALA BELAIT)</p>	<p>20 MAC USTAZ KHARHAN BIN HAJI JAIT</p> <p>Tadabbur Al-Qur'an / Masjid RPN kampong Bukit Benuang (TUTONG)</p>	

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam semasa berada di dalam masjid.



كمتريين كبودايان بليادان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مسابقات تلاوة القرآن بليادان سوكن
MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN
1442H/2021M

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang paspot negara-negara asing.
- Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1991 hingga 31 Disember 2006.
- Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:
 - Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau
 - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
- Setiap peserta juga dikehendaki untuk mendaftarkan diri di YSNet dengan menekan butang 'daftar'.



TARIKH-TARIKH

Peringkat Saringan - 31 Mac hingga 02 April 2021

Peringkat Separuh Akhir - 11 dan 13 Jun 2021

Peringkat Akhir - 24 Jun 2021

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Hari Sabtu 06 Mac 2021

KETERANGAN LANJUT

Urus Setia,
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan
Tingkat 3, Bangunan KKBS
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BC4415.
Nombor telefon 2381903/4/5 sambungan 1301/1304/1305

 jbs.bn
  Jabatan belia dan sukan
  www.belia-sukan.gov.bn

Pendaftaran MTQBK kini dibukakan

Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Ihsan Urusetia Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1442H / 2021M anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) kini dibukakan penyertaannya kepada orang ramai menurut syarat dan terma penyertaan.

Musabaqah ini terbuka kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang paspot negara-negara asing.

Peserta-peserta juga hendaklah berumur di antara 15 - 30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1991 hingga 31 Disember 2006.

Antara syarat lain, para peserta hendaklah tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan seperti berikut : Majlis Tilawah

Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS, Negara Brunei Darussalam.

Pendaftaran adalah percuma dan bolehlah mendaftarkan diri di YSNet dengan menekan butang 'daftar' atau melalui pautan <http://tiny.cc/shmbtz> dan <https://ysnet.gov.bn/>.

Pendaftaran mula dibukakan pada 1 Februari 2021, manakala tarikh tutup pendaftaran ialah pada Sabtu, 6 Mac 2021.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Urusetia MTQBK, Jabatan Belia dan Sukan di alamat Tingkat 3, Bahagian Belia, Bangunan KKBS, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BC4415 melalui talian +673 2381903 / 4 / 5, dan Faksimile +673 2380042.

Tekanan air rendah di Kampung Sungai Teraban

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, khususnya para Penduduk Kampung Sungai Teraban mengenai gangguan bekalan air / tekanan air rendah yang sedang dialami pada masa ini.

Untuk makluman, bekalan air ke kawasan berkenaan, masa ini, mengalami gangguan bekalan air / tekanan air rendah yang disebabkan oleh kekurangan air bersih, di Tangki Simpanan Air Bersih Loji Rawatan Air Seria disebabkan oleh masalah teknikal yang mengakibatkan pam-pam air bersih terpaksa ditutup untuk mengelakkan kerosakan pada pam-pam lama.

Walau bagaimanapun, pihak JKR meningkatkan usaha untuk menangani isu berkenaan dengan menambah air bersih masuk ke tangki berkenaan.

Sehubungan itu, pihak JKR juga ingin menasihatkan orang ramai supaya memasak air terlebih dahulu sebelum digunakan untuk masakan atau minuman sebagai langkah berjaga-jaga tambahan dan memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air.

Orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan Dayang Eve Sulvinah Sulaiman

Sokongan keluarga perlu bagi pesakit kanser



DAYANG Eve Sulvinah binti Sulaiman, 35, berasal dari Kampung Panaga, Kuala Belait semasa ditemu bual.

KUALA BELAIT, Selasa, 2 Februari. - Mendengar perkataan Kanser Payudara pasti menggerunkan mana-mana kaum wanita apatah lagi jika penyakit itu berlaku kepada diri sendiri.

Namun, menyelami hati seorang wanita kental yang didiagnosis Kanser Payudara itu memberi satu

persepsi berbeza kerana kecekalan hati beliau dalam mengharungi dugaan hebat tersebut.

Setelah disahkan menghidap Kanser Payudara Tahap Tiga pada tahun lalu, Dayang Eve Sulvinah binti Sulaiman, 35, berasal dari Kampung Panaga, Kuala Belait berasa hilang semangat untuk meneruskan hidup.

Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Jururawat di Wad 4 Female Surgical Ward Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, tanpa berlengah terus membuat pemeriksaan FNAC (Fine Needle Aspiration Cytology) pada 18 Januari 2020 seterusnya membuat biopsi untuk mengesan kewujudan kanser buat kali kedua serta *mammogram* dan *ct scan* selepas mendapati seperti ada ketulan kecil di payudara kiri pada Disember 2019.

"Saya berasa seperti hendak penganan ketika menerima keputusan daripada biopsi tersebut. Hati siapa tidak sedih mengenangkan keadaan diri pada ketika itu dan memikirkan anak-anak saya yang masih kecil berumur 3 tahun dan setahun. Setelah itu, saya menghubungi suami dan ahli keluarga mengenai

keadaan saya kerana tidak sanggup bersemuka dengan mereka," jelas beliau.

Beberapa hari selepas itu tambahnya, beliau telah menerima surat rujukan dari doktor untuk bejumba dengan pakar onkologi di Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre) dan pada 12 April 2020 beliau telah membuat pembedahan pertama iaitu membuang payudara sebelah kiri kemudiannya menjalani kemoterapi sebanyak 16 pusingan dan radioterapi sebanyak 25 pusingan.

Pertama kali menjalani rawatan kemoterapi ujarnya, beliau hampir pengan sebanyak empat kali.

"Keadaan jauh berbeza apabila bergaul dengan mereka yang pernah lalui pengalaman sama. Kami banyak melakukan sesi perkongsian dan pelbagai aktiviti dijalankan bersama," katanya.

Selain itu katanya, sejak mengikuti Breast Cancer Group di laman media sosial Facebook, mereka banyak membantunya meningkatkan keyakinan diri dan hidupnya kini berubah ke arah lebih positif.

Baginya, menghidap kanser

bukan penamat hidup sebaliknya 'rakan seperjuangan' itu banyak membantu dirinya menjadi orang baru dan lebih baik berbanding sebelum didiagnosis dengan kanser.

Justeru, Dayang Eve turut menggalakkan lebih ramai wanita melakukan penganan awal untuk mencegah penyakit terus merebak.

"Saya mengumpul kekuatan untuk kembali pulih dengan mengamalkan pemakanan sihat, berfikir positif, di samping memperbanyakkan zikir dan berdoa kepada Allah agar dikurniakan kesembuhan. Sokongan suami, ibu bapa dan ahli keluarga yang lainnya banyak membantu saya untuk berjuang

melawan penyakit ini dan cekal dalam menerima ujian dari-Nya," terang beliau lagi.

Semangat juang beliau yang tinggi wajar menjadi inspirasi buat semua yang berjuang melawan kanser. Malah, ia juga boleh dijadikan panduan buat ahli keluarga supaya dapat memberi kata-kata semangat kepada pesakit yang mungkin masih sukar untuk menerima ketentuan Ilahi.

Pesakit barah juga mampu menjalani kehidupan gembira sama seperti insan lain asalkan sentiasa berfikir positif, menjalani rawatan disyorkan pakar perubatan dan berada dalam lingkungan mereka yang saling memberikan semangat antara satu sama lain.

دعاء موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsiannya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّي لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

Belia perlu tanam jati diri mantap



DAYANG Nurun Nazihah binti Haji Jafri (dua, kanan) bersama kumpulan sukarelawan ECSW PMUBD semasa menganjurkan Sumbangan Derma Pandu Lalu bagi Misi Mangsa Banjir kolaborasi bersama Sukarelawan Belia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Dewasa ini kita sudah mula melihat generasi belia mula berdikari, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti persatuan dan badan-badan bukan kerajaan, dilengkapi dengan ilmu yang seimbang agar mereka boleh berjaya memenuhi kehendak duniawi dan ukhrawi.

Generasi penerus bangsa ini selaku peneraju kepada kemajuan negara merupakan agen kepada perubahan, namun dikehendaki supaya lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu dengan memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap serta mustahak diisikan dengan nilai-nilai ugama dan budaya yang luhur, supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diinginkan.

Seorang wakil dari Persatuan Mahasiswa/i Universiti Brunei

Darussalam (PMUBD) yang aktif dalam kesukarelawan semasa ditemu bual secara maya mengongsikan, penglibatan beliau sebelumnya dalam Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dan program kesukarelawan telah meningkatkan rasa 'Kejiwaan Rakyat' dalam dirinya untuk lebih berkhidmat kepada negara tercinta.

Selaku Timbalan Ketua Eksekutif Khidmat Masyarakat dan Kesejahteraan Mahasiswa/i UBD (ECSW PMUBD) bagi tahun 2020/21, Dayang Nurun Nazihah binti Haji Jafri percaya, Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat memperoleh lebih banyak kejayaan walaupun bermula dengan langkah kecil.

"Misalnya, kita harus bermula terlebih dahulu, untuk memimpin agar orang lain dapat mengikuti dengan teliti atau mendapat inspirasi. Belia hari ini dapat

membuat banyak perkara berlaku, dan saya percaya belia adalah masa depan. Dengan kemahiran dan kemampuan mereka membolehkan lebih banyak idea dan imaginasi, dan seterusnya menjadikan NBD jauh lebih baik dan dikemas kini," katanya.

Beliau bersama kumpulan sukarelawan PMUBD telah berkolaborasi dengan Persatuan Masyarakat Sukarelawan Belia dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk menganjurkan projek Sumbangan Derma Pandu Lalu bagi Misi Mangsa Banjir yang telah disempurnakan penyerahannya pada 30 Januari yang lalu kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas di Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Dengan melakukan sesuatu yang baharu, penting dan keluar dari zon selesa, tambahnya, dirinya



SUKARELAWAN PMUBD semasa dalam misi penghantaran sumbangan derma bagi mangsa banjir di Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Sukarelawan Belia dan Persatuan Mahasiswa/i UBD

mendapati adrenalin membuatnya lebih bermotivasi dan dapat menyumbang kepada idea-idea lain yang berkualiti.

"Menyaksikan proses menerima sumbangan dari orang ramai, menghangatkan hati saya tentang bagaimana penduduk tempatan sebenarnya suka menolong orang lain dengan meluangkan masa dan usaha untuk mengambil bahagian dalam kerja sukarelawan atau hanya dengan memberi. Pada hari penyerahan iaitu 30 Januari 2021, PMUBD dan Sukarelawan Belia keluar awal pagi ke Ulu Tutong memberikan sumbangan kepada 10 rumah yang telah dikenal pasti. Melihat mangsa banjir tersenyum dari telinga ke telinga menerima

sumbangan dan dengan hanya berada di sana, membuatkan saya ingin lebih banyak berbakti kepada rakyat dan negara," ujarnya.

Jati diri belia itu diperkukuhkan dengan asuhan dan didikan dari awal lagi dengan nilai-nilai kenegaraan yang tebal dan kental pada mencintai raja, negara, bangsa dan ugama.

Memandangkan generasi belia merupakan penerus hasrat negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035, mereka akan bertanggungjawab dalam memajukan negara dalam semua aspek, kerana sebagai ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap.

Pupuk kerjasama berpasukan menerusi Pertandingan Cerita Berkumpulan



GAMBAR Hiasan... Persembahan dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 2 Februari. - Dalam menggalakkan para belia dan remaja mencintai buku, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sekali lagi menganjurkan Pertandingan Cerita Berkumpulan 2020.

Pertandingan tersebut merupakan sebagai wadah bagi mereka dalam proses pencapaian tahap kebijaksanaan dan

perkembangan minda dan ilmu pengetahuan, sama ada melalui bahan bacaan dan seterusnya melakonkannya dengan cara tersendiri dan sekali gus memupuk kerjasama berpasukan yang berjiwa, berwawasan dan berinovatif.

Menerusi pertandingan tersebut, ia diharap akan dapat melahirkan remaja yang berpotensi dan berkebolehan dalam



GAMBAR Hiasan... Persembahan dari Ma'had Islam Brunei yang menjadi juara Pertandingan Cerita Berkumpulan 2018.

menyampaikan cerita melalui seni lakonan, sekali gus meningkatkan penggunaan bahasa, mutu persembahan dan memupuk kerjasama dalam satu pasukan.

Cerita Berkumpulan adalah satu cabang seni teater atau drama pentas yang boleh dianggap salah satu media komunikasi dalam memberikan maklumat yang berkesan kepada penonton.

Bahkan pertandingan seumpama ini dihasrat untuk menyampaikan drama pendek atau sebuah sketsa yang berunsur seni tempatan dalam penyampaian cerita, di samping seni lakon. Ia dalam masa

yang sama dapat melatih dan mengumpul remaja-remaja yang berkebolehan dalam bercerita melalui teater atau drama pentas.

Pertandingan tersebut membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara: Revolusi Industri 4.0'.

Seperti penganjuran terdahulu, pertandingan tersebut adalah dibukakan kepada remaja warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 12 hingga 20 tahun, di mana para peserta juga adalah terdiri daripada Ahli Perpustakaan DBP.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang di alamat <http://www.bit.ly/dbppcbrevolusi4>.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan di mana-mana kaunter Perpustakaan DBP di seluruh negara atau menghantarkannya melalui e-mel ke alamat perpustakaan.bsb@dbp.gov.bn atau faks menerusi talian +673 2224763 atau melalui Hotline +673 8266880 sebelum Isnin, 8 Februari 2021 pada waktu bekerja.

Brunei di tangga ke-35, CPI 2020

Siaran Akhbar dan Infografik :
Biro Mencegah Rasuah

Kedudukan Negara Brunei Darussalam di Indeks Persepsi Rasuah 2020:

SCORE	COUNTRY/TERRITORY	RANK	SCORE	COUNTRY/TERRITORY	RANK	SCORE	COUNTRY/TERRITORY	RANK
89	France	23	56	Georgia	45	45	Senegal	67
88	Denmark	1	68	Bhutan	24	56	Poland	45
86	New Zealand	1	67	Chile	25	56	Saint Lucia	45
85	Finland	3	67	United States	25	55	Dominica	48
85	Singapore	3	66	Seychelles	27	54	Czechia	49
85	Sweden	3	65	Taiwan	28	54	Oman	49
85	Switzerland	3	64	Barbados	29	54	Rwanda	49
84	Norway	7	63	Bahamas	30	53	Grenada	52
82	Netherlands	8	63	Qatar	30	53	Italy	52
80	Germany	9	62	Spain	32	53	Malta	52
80	Luxembourg	9	61	Korea, South	33	53	Mauritius	52
77	Australia	11	61	Portugal	33	53	Saudi Arabia	52
77	Canada	11	60	Botswana	35	51	Malaysia	57
77	Hong Kong	11	60	Brunei Darussalam	35	51	Namibia	57
77	United Kingdom	11	60	Israel	35	50	Greece	59
76	Austria	15	60	Lithuania	35	49	Armenia	60
76	Belgium	15	60	Lithuania	35	49	Jordan	60
75	Estonia	17	60	Slovenia	35	49	Slovakia	60
75	Iceland	17	59	Saint Vincent and the Grenadines	40	47	Belarus	63
74	Japan	19	58	Cabo Verde	41	47	Croatia	63
72	Ireland	20	57	Costa Rica	42	47	Cuba	63
71	United Arab Emirates	21	57	Cyprus	42	47	Sao Tome and Principe	63
71	Uruguay	21	57	Latvia	42	45	Montenegro	67

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Satu laporan diterbitkan oleh Transparency International (TI), pada 28 Januari 2021, yang melaporkan Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perception Index (CPI) ke atas 180 buah negara.

TI menempatkan Negara Brunei Darussalam (NBD) di tangga ke-35 daripada 180 buah negara dengan mendapat markah

sebanyak 60/100, dalam Indeks Persepsi Rasuah 2020 atau CPI 2020.

Kedudukan ini menempatkan NBD di tangga ke-2 di ASEAN selepas Singapura.

TI merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa bebas di Berlin, Republik German, di mana setiap tahun, TI mengeluarkan CPI yang menyenaraikan kedudukan

negara-negara, berdasarkan markah yang diperolehi.

Penilaian bagi kedudukan dan markah yang dibuat adalah berdasarkan daripada sumber data, yang menilai tadbir urus atau *governance* dan analisa iklim perniagaan, di negara masing-masing, pada skala sifar (dianggap paling rasuah) sehingga 100 (dianggap paling bersih).

CPI ini bersumber daripada data, persepsi awam mengenai rasuah di sektor awam dan beberapa indeks pembangunan juga perkembangan ekonomi.

Antara sumber data yang dinyatakan adalah seperti Political Risk Service - Country Risk Guide (ICRG); World Economic Forum (WEF); dan Global Insights - Country Risk Rating.

Biro Mencegah Rasuah (BMR), NBD merupakan sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang bertanggungjawab dalam mencegah dan membanteras rasuah; jenayah pengubahan wang haram (*money laundering*); dan salah laku di Pejabat Awam (*misconduct in public office*), di NBD.

Ke arah itu, BMR memfokuskan pada strategi-strategi utama dalam mencegah dan membanteras rasuah, pengubahan wang haram (*money laundering*) salah laku, di Pejabat Awam di NBD, iaitu melalui penguatkuasaan undang-undang, di bawah Akta Pencegahan Rasuah (penggal 131); dan Perintah Mendapatkan Kembali Aset (Criminal Asset Recovery Order), 2012.

Ditubuhkan pada 1 Februari 1982, BMR merupakan agensi anti rasuah ke-3 yang ditubuhkan di rantau ASEAN, selepas Corrupt Practices Investigation Bureau, Singapura (1952); dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Malaysia (1967).

BMR mempunyai peranan dalam mencegah rasuah dalam

kalangan sektor awam dan swasta juga meningkatkan integriti Perkhidmatan Awam dan melaksanakan langkah-langkah pengawasan bagi kelakuan Perkhidmatan Awam juga sektor swasta dengan tujuan untuk memastikan tadbir urus yang baik dan beretika.

Sehubungan itu, usaha-usaha pencegahan dan pembanteras rasuah akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan oleh BMR dengan mempromosi dan membudayakan tadbir urus baik dalam kalangan sektor kerajaan, seterusnya secara tidak langsung menyumbang ke arah iklim perniagaan di NBD.

Adalah penting untuk kita sedari bahawa pencegahan dan menentang rasuah memerlukan pendekatan menyeluruh atau *holistic approach* yang melibatkan akauntabiliti dan ketelusan juga penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Peranan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat awam, media dan orang ramai adalah digesa untuk bekerjasama dalam membendung gejala rasuah di NBD.

Dalam pada itu, BMR akan melaksanakan usaha-usaha ini secara berterusan untuk memastikan pemeliharaan kesejahteraan dan keselamatan awam juga berkolaborasi bersama agensi-agensi lain dalam memperkuat dasar keselamatan negara dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi NBD.



MINDA PEMBACA

Pendidikan anak-anak tanggungjawab ibu bapa

Pendidikan merupakan kombinasi pertumbuhan, perkembangan dan warisan sosial. Secara logik, pendidikan bermula sejak dalam kandungan sehingga mati. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan tonggak utama pendidikan anak-anak. Mereka bertanggungjawab dalam menyediakan pendidikan yang secukupnya, selain daripada keperluan seharian.

Justeru, ibu bapa harus menjadi contoh yang baik buat anak-anak mereka kerana mereka merupakan idola untuk anak-anak. Sebagai ibu bapa, anak-anak harus dididik seawal usia tiga tahun, iaitu dalam mengenali

huruf abjad dan jawi serta menggalakkan mereka membaca buku cerita kanak-kanak dan novel bagi anak-anak yang berusia remaja.

Dalam masa yang sama, anak-anak juga boleh mempelajari ilmu seni mempertahankan diri, bermain alat muzik dan yang sehubungan dengannya. Dengan menggalakkan hal tersebut dari usia yang muda, kemahiran mereka boleh dikembangkan untuk kegunaan kelak.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah mendisiplinkan dan mengawasi anak-anak mereka kerana ia akan memberikan kesan positif kepada perkembangan mereka,

terutama apabila mereka berada di fasa remaja, di mana pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya akan mempengaruhi personaliti mereka.

Sekiranya mereka tidak diawasi dan dibentuk oleh ibu bapa, mereka boleh terpengaruh dengan pengaruh buruk rakan sebaya yang kemudiannya akan merugikan anak-anak.

Ingin saya tegaskan, pendidikan agama juga penting bagi anak-anak agar mereka mampu mencegah segala bentuk kemungkaran yang berlaku dan anak-anak dapat membezakan perkara baik dan buruk serta dapat menjauhkan diri mereka daripada azab di akhirat nanti.

Kesimpulannya, ibu bapa harus menerima anak-anak mereka apa adanya contohnya jika mereka gagal dalam peperiksaan, beri mereka semangat dan motivasi untuk terus berusaha dan tingkatkan kecemerlangan. Pendek kata, pendidikan yang cemerlang dalam diri anak-anak akan membawa ke arah masa depan yang cerah.

Nama : Farah Alyssa binti Mohammad Jeffry
No. Kad Pengenalan : 01-132845 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bahaya Penyebaran Berita Palsu'. Tarikh Tutup : 3 Februari 2021
2. 'Tingkat Keselamatan Semasa Musim Tengkujuh'. Tarikh Tutup : 10 Februari 2021
3. 'Kesan Pengambilan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 17 Februari 2021

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

WARGAMAS Brunei perlu inisiatif, prestasi baharu sebagai azam



YANG Di-Pertua WARGAMAS Brunei 2021, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada mantan Penolong Bendahari WARGAMAS Brunei (kiri). Manakala gambar atas, persembahan Tausyeh dari Kumpulan Biro Warganita WARGAMAS Brunei menyerikan lagi majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Pertubuhan WARGAMAS Brunei memerlukan semangat, inisiatif dan prestasi yang baharu sebagai azam ke hadapan pertubuhan berkenaan.

"Kitani memerlukan sikap yang lebih bertawaduk dan istiqamah yang akan menjadi khazanah WARGAMAS Brunei bagi menuju ke arah perubahan perpaduan," jelas Yang Di-Pertua (YDP) WARGAMAS Brunei 2021, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don pada Majlis

Penghargaan dan Mengenang Jasa, anjuran WARGAMAS Brunei, di sebuah hotel, Jerudong, hari ini.

Menurutnya, matlamat WARGAMAS tahun 2021 akan mengutamakan *Man Jadda Wa Jadda* dan berharap tahun ini akan dapat menyatukan visi dan misi untuk bersepatat dalam semua langkah yang bermanfaat dan berkebaikan.

Yang Di-Pertua WARGAMAS Brunei yang baru dilantik itu, juga bertekad untuk memastikan kepemimpinan Jawatankuasa

Tadbir Tertinggi (JKTT) tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan kuasa untuk kepentingan sendiri atau kawan-kawan yang menyebabkan pengurusan wargamas tidak stabil.

Majlis berkenaan merupakan bagi mengenang jasa-jasa dan peranan yang dicurahkan oleh bekas YDP WARGAMAS Brunei 2019 - 2020, Pengiran Haji Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin; dan bekas Timbalan YDP WARGAMAS Brunei 2019 - 2020, Awang Haji

Siaran Akhbar dan Foto : WARGAMAS Brunei

Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin.

Kedua-dua bekas peneraju kepimpinan WARGAMAS Brunei itu kini dilantik sebagai Penasihat dan Perwakilan Khas WARGAMAS Brunei.

Pengiran Haji Salleh dilantik sebagai Penasihat dan Perwakilan Khas Penghubung Pihak Kerajaan dan Perundangan WARGAMAS Brunei, sementara Awang Haji

Abdul Hakim dilantik sebagai Penasihat dan Perwakilan Khas Majlis Khatam Al-Quran WARGAMAS Brunei.

Majlis juga diserikan dengan Persembahan Kesenian daripada Biro Kesenian dan Kebudayaan WARGAMAS Brunei; juga Persembahan Tausyeh daripada Biro Warganita WARGAMAS Brunei.

Tip

KESIHATAN

MANFAAT AIR KELAPA SELEPAS BERSUKAN

AIR KELAPA sememangnya diketahui memiliki banyak sekali manfaat kesihatan, termasuk mengembalikan kehilangan air dan mineral dalam badan terutamanya selepas berolahraga. **SECARA** semula jadi, air kelapa bersifat menyegarkan dan mempunyai rasa manis yang tersendiri. Di samping itu, ia juga mengandungi karbohidrat mudah dicerna dalam bentuk gula dan elektrolit. **AIR KELAPA** dikatakan mampu menjadi minuman semula jadi yang sangat baik untuk kesihatan. Tanpa perlu menambah gula tambahan dan pewarna, air ini sudah sangat enak dan menyegarkan untuk diminum begitu sahaja.

MANFAAT AIR KELAPA

- Mengembalikan cecair tubuh yang hilang.**
 - Menurut penelitian daripada sumber tertentu, meminum air kelapa setelah melakukan aktiviti olahraga membantu mengisi kembali cecair tubuh yang hilang.
 - Dengan itu, mereka yang bersukan terutamanya para atlet akan dapat elak daripada dehidrasi yang mampu membahayakan kesihatan.
- Menjaga tubuh kekal bertenaga.**
 - Untuk pengetahuan, minuman ini turut mengandungi karbohidrat yang mudah dicerna dalam bentuk gula semula jadi.
 - Disebabkan itu, minuman ini mampu menjaga tahap tenaga dalam tubuh dan daya tahan otot semasa berolahraga.
 - Namun perlu diingat, kandungan karbohidrat di dalamnya adalah sedikit jika dibandingkan dengan minuman tenaga, justeru, jika awda bersukan dalam tempoh lebih 90 minit, tubuh tidak akan memiliki tenaga yang mencukupi jika hanya minum air kelapa.
- Mengandungi kalium dan magnesium.**
 - Selain mengandungi karbohidrat yang mudah dicerna, ia juga terkandung mikronutrien, kalium dan magnesium, yang lazimnya hilang daripada tubuh apabila berolahraga.
 - Kalium berfungsi dengan membantu menjaga kontraksi otot, hubungan sistem saraf dan fungsi jantung agar kekal normal.
 - Secawan air kelapa terkandung sekitar 600mg kalium yang diperlukan oleh tubuh badan.
 - Sementara magnesium pula merupakan mikronutrien yang berguna untuk mengatur fungsi otot dan saraf.
 - Justeru, dengan mengambil minuman ini semasa dan setelah olahraga, kedua-dua nutrien di dalamnya dapat memastikan tubuh berfungsi pada tahap optimum.

AIR KELAPA DAN AIR KOSONG

- Penyelidikan telah pun mengkaji bagaimana minuman ini dibandingkan dengan air kosong untuk tujuan penghidratan semasa bersukan.
- Sebilangan besar kajian yang membandingkannya dengan air kosong atau minuman tenaga adalah agak terhad.
- Disebabkan itu, kebanyakan kajian merumuskan bahawa minuman ini tidak begitu berkesan untuk menghidrat tubuh selepas bersukan jika dibandingkan dengan air kosong.
- Walau bagaimanapun, air kelapa masih mengandungi kalori (sumber tenaga) dan mikronutrien yang dapat mengekalkan tubuh yang bertenaga selepas bersukan.

AIR KELAPA DAN MINUMAN TENAGA

- Sebagaimana yang awda maklum, minuman tenaga cenderung untuk mengandungi jumlah gula yang tinggi.
- Bertentangan dengan air kelapa yang sudah sedia enak diminum begitu sahaja, ia tidak perlu ditambah dengan pemanis tambahan.
- Namun, air kelapa tidak mengandungi sumber elektrolit terutama nutrium, yang terdapat dalam minuman tenaga dan diperlukan untuk menggantikan semua elektrolit yang hilang melalui peluh.
- Walau bagaimanapun, satu kajian mendapati air kelapa dapat mengurangkan rasa mual, meningkatkan rasa kenyang dan mengurangkan masalah sakit perut jika dibandingkan dengan minuman tenaga.

Sebagai kesimpulan, bagi penggemar aktiviti sukan seperti olahraga dan mendaki bukit, ya minuman semula jadi ini boleh menjadi salah satu cara untuk mengekalkan hidrat namun pilihan lain seperti air kosong serta minuman tenaga juga boleh menjadi alternatif yang bagus selepas melakukan aktiviti tersebut.

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN

+673 7371961  PSC.BN  PSC.BN  query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-168 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-168 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan dengan 2 tatacara iaitu secara atas talian (*online*) dan juga secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

Tatacara :
Atas talian (*online*)

Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :
1 Februari 2021 hingga 12 Februari 2021
(Isnin hingga Jumaat)
8.00 Pagi hingga 4.30 Petang

Tatacara :
Pandu lalu (*drive-thru*)

Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :
1 Februari 2021 hingga 11 Februari 2021
(Isnin hingga Khamis sahaja, hari Jumaat ditutup bagi pentadbiran)
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 4.00 Petang

Sila layari laman sesawang <http://www.mindef.gov.bn> (Career - Military Recruitment(male))

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan bermula pada 3 September 2021.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :
Pejabat Pengambilan
Jabatanarah Keanggotaan
Bolkiah Garison

Telefon : +673 2386898
atau layari laman sesawang <http://www.mindef.gov.bn> (Career - Military Recruitment (male))
atau
e-mel : FRO@mindef.gov.bn

Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam (berhadapan dengan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya).

Waktu melihat peralatan dan perkakas yang akan dilelong pada 4 Februari 2021 (Khamis) dan 6 Februari 2021 (Sabtu) bermula Jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang.



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BW212
JUMLAH 1 BUAH

LOT 2
KETERANGAN :
BILANGAN PENDAFTARAN BG 6423
KOMATSU BULLDOZER D65P
JUMLAH 1 BUAH

PENGIKLAMAN BAGI
TAWARAN LELONG
SEBUT HARGA SECARA
TERTUTUP
BAGI 2 BUAH KENDERAAN
(JENTERA BERAT)
KEPUNYAAN JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA

TEMPAT :
Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Simpang 15, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam
(berhadapan dengan Kompleks Sukan JKR).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Borang Sebut harga boleh didapati dengan harga BND15.00 sekeping bagi setiap satu (1) Lot barang yang ditawarkan. Borang boleh diperolehi di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara

Brunei Darussalam.

2. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini, dengan menggunakan sampul surat tertutup dan bertulis dengan terang.

TAWARAN LELONG SEBUT HARGA SECARA TERTUTUP BAGI 2 BUAH KENDERAAN (JENTERA BERAT) KEPUNYAAN JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga seperti yang dinyatakan di bawah ini :

Peti Sebut Harga
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran pada :
11 Februari 2021
Khamis, Jam 12.00 Tengah Hari.

Tempat dan waktu melihat peralatan dan perkakas yang akan dilelong : Di Bengkel



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JASTRE / BKP / T001 / 2021

KERJA OPERASI DAN
PENYELENGGARAAN SEPULUH
(10) UNIT PERALATAN
PEMANTAUAN KUALITI UDARA
UNIT MODEL TEOM : 1400 / 1400A
/ 1400ab UNTUK TEMPOH TIGA
(3) TAHUN



TARIKH TUTUP PADA :
2 MAC 2021 SELASA
SEBELUM JAM 2.00 PETANG.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2021

TAJUK SEBUT HARGA :
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
LABORATORY APPARATUS FOR
AQUATIC ANIMAL HEALTH
MANAGEMENT TRAINING
PROGRAM AND MONITORING



TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
ISNIN, 8 FEBRUARI 2021,
2.00 PETANG



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

BILANGAN SEBUT HARGA :
APM.2020-2021 / SH-01

MEREKA FESYEN, MEMBEKAL
DAN MENJAHIT PAKAIAN
SERAGAM BAGI PEGAWAI DAN
KAKITANGAN SEKSYEN
PENGURUSAN LAPANGAN
TERBANG



TARIKH TUTUP TAWARAN :
HINGGA JAM 2.00 PETANG
17 FEBRUARI 2021, RABU



KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / 2020 /
DITU / TA / 16
PEMBELIAN DAN PEMASANGAN
'SIEM APPLIANCE'

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
SELASA, 9 FEBRUARI 2021,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN :
JKP / SH / 2020 - 2021 / 15

TAJUK TAWARAN :
TO PROVIDE
RECEPTION COCKTAIL
RECEPTION FOR BRUNEI
GASTRONOMY WEEK 2021

TARIKH TUTUP TAWARAN :



KHAMIS, 11 FEBRUARI 2021 ,
JAM 2.00 PETANG



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENGAMBILAN REKRUT
KONSTABEL POLIS

KELAYAKAN BAGI BAKAL
REKRUT KONSTABEL (PC)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
PENGAMBILAN REKRUT
KONSTABEL POLIS

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

2. Mempunyai Kad Pengenalan Pintar
berwarna kuning sahaja.

3. Mempunyai pengetahuan tentang
kerasman Ugama Islam, adat Istiadat
Negara, Adat Resam dan Kebudayaan
Orang-orang Melayu Brunei dan
Perkembangan Sosial, Ekonomi dan
Politik, Negara Brunei Darussalam.

4. Mempunyai kelulusan 2 kredit dalam
mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa
(GCE 'O' Level dan lulus dalam mata
pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa
Inggeris) atau sijil BDTVEC NTC 2 di
dalam bidang yang bersesuaian atau
mana-mana kelulusan yang sebanding
dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam. Mempunyai
kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang
bersesuaian adalah merupakan satu
kelebihan.

5. Taraf Kelamin : **Bujang**.

6. Pemohon **lelaki** hendaklah berumur di
antara 18 hingga 25 tahun.

7. Memenuhi kelayakan tinggi badan
dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang
telah ditetapkan seperti berikut :

Ketinggian :
1.57 meter (5 kaki 2 inci)
Indeks Jisim Tubuh (BMI) :
18.5 hingga 28 (lulus)
Formula :
Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m)
= BMI

8. Tidak buta warna.

9. Mestilah lulus ujian kecergasan,
ujian bertulis, pemeriksaan kesihatan
dan tapisan keselamatan.

TATACARA MENGHADAPKAN
PERMOHONAN

1. Borang-borang permohonan boleh
didapati di Stadium Hassanal Bolkiah,
Ibu Pejabat Polis Gadong pada 4
Februari 2021 hingga 15 Februari 2021
waktu pejabat (Isnin hingga Khamis dan
Sabtu jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang
kecuali Jumaat, Ahad dan kelepasan
awam).

2. Borang-borang yang telah lengkap
diisikan hendaklah dikembalikan ke
Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat
Polis Gadong tidak lewat dari 15 Februari
2021 pada jam 4.00 Petang.

3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat
di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah
menghadapkan permohonan melalui ketua
jabatan masing-masing.

4. Bagi sebarang pertanyaan dan
maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat
Pengambilan, Pusat Latihan Polis di
talian +673 2459500 sambungan 380.



JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

SEBUT HARGA BILANGAN :
JKBD / 2020 / SH-33

TWO (2) YEARS TERM
CONTRACT FOR CLEANING
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL DEPARTMENT
AT WEATHER SERVICE DIVISION
(1st FLOOR OF CIVIL AVIATION
BUILDING) AND AT WEATHER
OBSERVATION DIVISION'S
BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT,



BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP :
RABU, 17 FEBRUARI 2021,
SEBELUM JAM 2.00 PETANG



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0001 / 2021

TAJUK SEBUT HARGA :
"DAILY GENERAL CLEANING
SERVICES AT DEPARTMENT OF
FISHERIES FOR THE MONTHS
OF MARCH 2021 UNTIL
FEBRUARY 2022"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2021

TAJUK SEBUT HARGA :
"KERJA-KERJA PERKHIDMATAN



PEMBUANGAN DAN
PENGANGKUTAN
SAMPAH SECARA BULANAN
DARI BULAN MAC 2021 HINGGA
BULAN FEBRUARI 2022
BAGI JABATAN PERIKANAN"

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
ISNIN, 8 FEBRUARI 2021,
2.00 PETANG



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 01 / 2021

NAMA PROJEK :
PROGRAM MENINGKATAN DAN
PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR
JAMBATAN - PAKEJ 3,
KERJA-KERJA ANALISA
JAMBATAN YANG SEDIA ADA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
6 APRIL 2021 (SELASA),



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 72 / 2020

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMMAD FIRDAUS ALI RAHIM
BIN SHAHFAN**

(BCIY No.01-087461)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
26 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)** Mahkamah Besar pada **11 Februari 2021**, jam **9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **11 Februari 2021**, jam **9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 1 Disember 2020

**HJH NOOR AMALINA BINTI
DP HAJI ALAIHUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 253 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

SUHAIIDI BIN PUASA

(BCIY No.00-268845)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
21 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)** Mahkamah Besar pada **10 Februari 2021**, jam **10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Februari 2021**, jam **10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 12 Februari 2020

**HJH NOOR AMALINA
BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 62 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

TAIBAH BINTI JALIL

(BCIY No.00-117194)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
21 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)** Mahkamah Besar pada **10 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 5 Disember 2020

**HJH NOOR AMALINA
BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 538 / 2020

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

LAI CHEW FUNG

(BCIY No.00-301326)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
7 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan

diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)** Mahkamah Besar pada **12 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 4 Januari 2021

**HJH NOOR AMALINA
BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 68 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ROZLAN BIN HANIP

(RYIC No.00-273473)

- Penghutang Penghakima / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
21 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5)** Mahkamah Besar pada **10 Februari 2021**, jam **10.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Februari 2021**, jam **10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 15 Disember 2020

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 40 / 2020

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMAD RODI AL ISKANDAR
HAJI LATIF**
(BYIC No. 00-274591)

- Penghutang Penghakima / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
26 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5)** Mahkamah Besar pada **10 Februari 2021**, jam **9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Februari 2021**, jam **9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 7 Disember 2020

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 233 / 2020

BAIDURI FINANCE BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

SAFUAN BIN JUHAR

(BYIC No. 00-318115)

- Penghutang Penghakima / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
21 November 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)** Mahkamah Besar pada **15 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan dalam perjumpaan itu, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **15 Februari 2021**, jam **9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 7 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Fenomena meteor besar hasilkan dentuman kuat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hsan Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam



FENOMENA alam, iaitu meteor yang disaksikan terbakar yang mengeluarkan asap di ruang angkasa Negara Brunei Darussalam yang mencetuskan tanda tanya penduduk yang mendengarkan dentuman kuat kira-kira jam 11.00 pagi kelmarin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Bunyi dentuman yang disangka guruh diiringi dengan gegaran yang terjadi kira-kira sekitar jam 11.00 pagi kelmarin sedikit sebanyak menimbulkan kepanikan dan menjadi persoalan kepada sebahagian penduduk di negara ini yang mengalami kejadian tersebut.

Jika terjadinya guruh dan kilat tetapi cuaca kelmarin begitu elok sahaja, sehingga ada beberapa persepsi yang mengaitkannya dengan beberapa insiden dari luar negara yang memberi impak kepada negara kita.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) menerusi laman sesawangnya di www.bruneiastronomy.org, satu meteor besar (*fireball*) mencetuskan letupan yang disaksikan pada siang hari kelmarin, 31 Januari 2021.

Sehubungan itu, PABD menerima banyak laporan daripada orang ramai yang mendengar letupan kuat di awan dan mengumpulkan laporan saksi yang menyaksikan kejadian tersebut.

Sebahagian penduduk yang menyaksikan fenomena menakjubkan itu hingga menghasilkan bunyi dentuman yang menimbulkan *shockwave* yang besar dari meteor yang terbakar di ruang angkasa di negara ini.

Salah seorang saksi, Abdul Wafiy bin Haji Rudzi berkata, beliau dan rakan-rakan yang lain pada ketika itu ada berkumpul dalam Jimny Community dari Kampung Tanjong Nangka yang hendak ke Kulapis, lalu berhenti sebentar untuk mengambil gambar sekitar kawasan itu.

Selang beberapa minit kemudian, beliau menyaksikan sesuatu yang aneh di awan dan memberitahu kepada rakan-rakannya yang lain dan beranggapan itu adalah permainan bunga api kerana benda itu mengeluarkan cahaya yang terang berwarna merah dan hijau diliputi asap, kemudian mengeluarkan bunyi letupan selepas beberapa saat.

Selepas itu, mereka pun masih bertanya-tanya mengenai kejadian itu. Meskipun *drone* mereka tidak sempat merakam, tetapi kamera *dashcam* keretanya dapat merakamkan detik itu.

Meteor adalah fenomena alam yang rawak dan sukar diramal. Selalunya meteor terhasil apabila batuan angkasa yang dipanggil meteoroid terbakar di ruang angkasa. Namun jika meteoroid yang lebih besar tidak habis terbakar dalam perjalanannya di atmosfera dan mencapai permukaan bumi, objek yang dihasilkan adalah dipanggil meteorit.

Perjanjian hospital dalam talian dilaratkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Penggunaan Perjanjian Hospital Dalam Talian (Online Visit Appointment) telah dilaratkan penggunaannya ke semua klinik-klinik kesihatan di seluruh negara mulai 1 Februari 2021.

Orang ramai boleh membuat tempahan dalam talian bagi perjumpaan pesakit luar (*outpatient*) ke pusat-pusat kesihatan atau klinik berhampiran mereka melalui aplikasi BruHealth.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan dalam talian ini tidak termasuk Klinik Ibu dan Anak, Klinik Mata, Klinik Gigi, Klinik Flu dan Pengambilan Darah.

Antara ciri-ciri yang terdapat di aplikasi BruHealth adalah seperti tempoh tempahan slot-slot perjanjian dalam talian akan dibukakan tujuh hari sebelum cadangan perjumpaan dan tidak kurang dari satu hari (24 jam).

Sebagai contoh, tempahan slot bagi perjumpaan doktor pada 2 Februari 2021, jam 10.30 selewat-lewatnya pada 1 Februari, jam 10.29 pagi.

Seterusnya, pembayaran sebarang tempahan dalam talian boleh dibuat melalui aplikasi BruHealth secara dalam talian selewat-lewatnya tiga jam sebelum perjanjian.

Akhir sekali, terma dan syarat bagi Penggunaan Perjanjian Hospital Dalam Talian (Online Visit Appointment) boleh diperolehi di dalam aplikasi BruHealth.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan secara percubaan perjumpaan doktor melalui panggilan video. Perkhidmatan ini adalah terhad kepada beberapa perkhidmatan klinikal yang terpilih dan pada masa akan datang perkhidmatan panggilan video ini akan dilaratkan kesemua perkhidmatan.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan (Health Advice Line) di +673 2381380 dan +673 2381383 pada waktu bekerja atau Talian Darussalam 123 di luar waktu bekerja.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai jangkitan COVID-19, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau media sosial Facebook dan Instagram @MOHBrunei.



Kenali Bahasa Brunei

cucul bermaksud lampu, lentera, tanglung, dan sebagainya yang dinyalakan berderet-deret, kebiasaannya pada hari raya, hari-hari kebesaran, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata: kebanyakan rumah-rumah bapasang **cucul** masa Hari Raya atau masa Maulud Nabi.

bacula bermaksud naik kepala atau berbuat sesuka hati, biasanya kanak-kanak.

Contoh pemakaian kata: kabiasaan inda balarang kanak-kanak ani, iatah mambarinya **bacula**.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BELIMBING, SUBOK



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MANGKUTUT MASAK TUMIS

BAHAN-BAHANNYA :

1kg Mangkutut
Minyak
Bawang Merah
Bawang Putih
Lada Kisar
Garam
Serbuk Perasa

Lada Hijau

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Masukkan minyak, tumiskan bawang merah, bawang putih, lada kisar sehingga naik bau, kemudian masukkan

udang Mangkutut. Tambahkan garam dan serbuk perasa secukupnya. Gaul rata hingga Mangkutut bertukar menjadi warna oren. Tambahkan Lada Hijau yang sudah dihiris dan gaul. Tutupkan api dan hidangan sudah sedia untuk dihidangkan.

Green Depot bantu kurangkan masalah pencemaran



Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed
Infografik : Instagram Greendepotbn

adalah untuk meningkat kesedaran mengenai persekitaran serta mengurangkan jumlah sampah yang masuk ke tapak pelupusan sampah.

Antara kepentingan amalan kitar semula dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan ia amat signifikan kerana bahan-bahan buangan atau barangan terpakai tidak akan dibuang ke tempat yang tidak sepatutnya.

Ini bermakna, proses kitar semula adalah penting bagi manusia dan alam semula jadi.

Sehubungan itu, Green Depot akan menganjurkan Minggu Kitar Semula 'Recycling Drive' pada Ahad, 14 Februari 2021, yang akan beroperasi di KB Central mulai 1.00 petang hingga 4.00 petang.

Bagi mendapatkan penerangan mengenainya, Pelita Brunei menemu bual Pegawai Projek

Green Depot, Dayang Nihayatul Syahira.

Menurut beliau, Green Depot perlu bertindak dengan pantas kerana jumlah bahan buangan atau sisa yang dibuang oleh kita sendiri semakin hari semakin meningkat.

"Setiap barangan yang dibuang perlu diasingkan mengikut kategori yang sesuai, sekali gus mendidik masyarakat melakukan kitar semula.

"Kita juga menggalakkan orang ramai yang berdaftar untuk mengumpul mata ganjaran bagi setiap barang yang dikitar semula," jelasnya.

Malahan, sesetengah daripada mereka katanya, ada yang tidak mengetahui bahawa barang-barang, seperti besi, aluminium, kertas dan sisa-sisa elektronik sebenarnya mempunyai nilai-nilainya.

"Daripada mereka membuang ke tapak pelupusan sampah lebih baik dihantar barang-barang tersebut kepada Green Depot untuk dijadikan Recycling Drive," tambah beliau lagi.

Green Depot memulakan projek Recycling Drive sejak 2017 yang dikelolakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Green Depot terletak di No. 1, Simpang 24-29, Jalan Panglima, Kuala Belait, beroperasi pada



Rabu hingga Khamis, dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang, Jumaat, mulai jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan 2.00 petang hingga 5.00 petang, manakala Sabtu dan Ahad beroperasi dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang, sementara Isnin dan Selasa

ditutup. Dalam pada itu, masyarakat harus menyahut seruan kerajaan untuk melakukan kitar semula yang dapat dilaksanakan dalam pelbagai cara seperti gotong-royong, sekali gus mengatasi masalah pencemaran dengan lebih efektif.

PEGAWAI Projek Green Depot, Dayang Nihayatul Syahira semasa ditemu bual.

BELAIT, Selasa, 2 Februari. - Matlamat Green Depot mengadakan Recycling Drive

GREEN Depot perlu bertindak dengan pantas kerana jumlah bahan buangan atau sisa yang dibuang oleh kita sendiri semakin hari semakin meningkat.

"Setiap barangan yang dibuang perlu diasingkan mengikut kategori yang sesuai, sekali gus mendidik masyarakat melakukan kitar semula.

"Kita juga menggalakkan orang ramai yang berdaftar untuk mengumpul mata ganjaran bagi setiap barang yang dikitar semula".

Suka makan lewat malam? Antara punca obesiti

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Menikmati makan lewat malam sambil menonton televisyen atau bermain permainan video, menonton bola sepak, melepak bersama rakan dan sebagainya sebelum tidur, memang mempunyai nikmat tersendiri.

Lazimnya, memang sukar untuk menolak 'pelawaan' seumpama ini, apatah lagi selepas melakukan tugas atau aktiviti seharian yang begitu memenatkan.

Namun, sedar tak sedar, sebenarnya menikmati makan lewat malam memberikan risiko yang tidak baik kepada tubuh badan.

Ini kerana lewat malam seharganya digunakan sebaiknya sebagai waktu untuk kita beristirahat dan merehatkan tubuh badan kita.

Namun, masih banyak di antara kita yang tidak memandang berat akan hal ini, bahkan, ia masih menjadi sebahagian daripada gaya hidup, sama ada secara sedar atau tidak.

Secara semula jadi, tubuh mendambakan makanan tinggi gula, tinggi lemak dan garam

ketika kita menikmati makanan, pada lewat malam, misalnya burger, nasi lemak, piza, nasi, roti canai, teh tarik dan sebagainya.

Tetapi, apabila kita memilih untuk membaringkan tubuh dan tidur sebelum makanan tersebut tidak sempat dihadam, bermulalah segala masalah pada kesihatan.

Makan lewat malam boleh menaikkan berat badan kerana kita perlukan sedikit masa untuk membakar kalori tambahan selepas makan, namun apabila kita memilih untuk tidur, proses berkenaan gagal dilakukan dan ini menyebabkan lebih kalori tersimpan untuk jangka masa panjang yang mengakibatkan perubahan hormon.

Penyebab daripada makan lewat malam juga boleh menyebabkan gangguan tidur, terutama sekali apabila kita mengambil makanan atau minuman yang mengandungi kafein, seperti teh dan kopi sebelum tidur.

Ini kerana ia boleh memberi kesan negatif pada kuantiti waktu tidur seseorang itu.

Gangguan respons hormon

merupakan salah satu kesan sampingan yang paling membimbangkan daripada perbuatan makan lewat malam dan menyebabkan kesukaran tidur, di mana ia menyebabkan gangguan hormon yang menyebabkan ketidakupayaan tubuh, sekali gus mengundang pelbagai penyakit.

Ramai pakar nutrisi memberikan amaran, makan lewat malam menyebabkan kelemahan fungsi insulin yang mengagihkan glukosa dari darah dan lama-kelamaan, makan lewat malam menyebabkan peningkatan risiko diabetes.

Selain itu, kita akan rasakan meningkatnya rasa lapar di hari berikutnya kerana makan dalam kuantiti besar, pada lewat malam sebelum tidur, bukan bererti kita akan makan sedikit, pada hari berikutnya.

Makan lewat malam meningkatkan jumlah makanan pada hari berikutnya kerana insulin yang sepatutnya memberi respons terganggu dan kawalan gula yang lemah membuat kita berasa lapar.

Akhir sekali, ia akan memberi kesan pada peningkatan hormon kortisol, seperti yang didedahkan oleh satu kajian yang mewujudkan hubungan di antara perbuatan makan lewat malam dan kadar hormon kortisol atau hormon stres yang lebih tinggi.



MAKAN lewat malam meningkatkan jumlah makanan pada hari berikutnya kerana insulin yang sepatutnya memberi respons terganggu dan kawalan gula yang lemah membuat kita berasa lapar.

Selain membahayakan kesihatan, kadar kortisol yang tinggi dalam tubuh menjadi faktor risiko bagi peningkatan lemak perut. Kajian menunjukkan, semakin tinggi tekanan, semakin tinggi kemungkinan waktu makan malam lebih lama daripada sebelumnya.

Bagi menghentikan tabiat ini,

pakar nutrisi menyarankan pengambilan gizi seimbang pada waktu makan malam, dengan fokus pada protein supaya kita kenyang lebih lama.

Selain itu, tekanan boleh dihilangkan dengan cara berjalan-jalan atau menonton filem untuk memberikan diri masa bersantai atau mandi.

Pengawal keselamatan perlu fizikal, mental yang kuat



SESI bergambar dengan kakitangan Sphere Secure Services Sdn. Bhd. (S3).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Pengawal keselamatan ialah orang yang bekerja mengawal juga menjaga keselamatan seseorang yang penting, rumah, bangunan, pejabat dan sebagainya.

Biasanya mereka diuruskan oleh sebuah syarikat keselamatan untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta benda, tetapi risiko pekerjaan ini adalah tinggi kerana mereka terdedah untuk ditembak, dipukul juga dicaci maki oleh pengunjung, perompak dan orang yang tidak dikenali.

Bagi meningkatkan keberkesanan kerjaya ini, ada daripada mereka dibekalkan

dengan senjata, seperti belantan. Bekas tentera dan polis yang pernah mengendalikan senjata lazim dilantik menjadi ketua pengawal keselamatan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berpeluang menemu bual Pengarah Sphere Secure Services Sdn. Bhd. (S3), Dayang Nur Khadijah binti Haji Ahmad, di Pejabat Sphere Secure Services Sdn. Bhd., Kampung Jerudong.

Menurutnya, pengawal keselamatan berfungsi sebagai penghalang kepada penceroboh, pencuri dan pengabaian apabila kita mempunyai orang yang tepat dan menggunakannya dengan

berkesan tidak kira, sama ada ia lelaki atau wanita.

"Menggunakan kakitangan manusia untuk mengawasi harta kita hanya masuk akal jika kita mempunyai kawasan besar yang memerlukan pengawasan kerana kos dan penyelenggaraan yang tinggi yang diperlukan oleh pekerja. Perkhidmatan pengawal selalunya praktikal untuk perniagaan atau untuk hartanah yang mempunyai pelbagai bangunan.

"Dengan adanya pengawal keselamatan juga, kita dapat meminimumkan kemungkinan berlakunya sebarang kes jenayah. Kehadiran pengawal keselamatan ini juga, sedikit sebanyak dapat menyulitkan sebarang perancangan jenayah oleh individu-individu tertentu kerana dengan adanya rondaan 24



PENGARAH S3, Dayang Nur Khadijah binti Haji Ahmad ketika ditemu bual.



PEGAWAI Operasi S3, Awang Yaakup bin Saidi ketika ditemu bual.

jam, sekurang-kurangnya kadar jenayah dapat dikurangkan dan pemantauan berterusan oleh pihak keselamatan dapat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa, seperti polis," jelasnya.

Menurut Pegawai Operasi di S3 pula, Awang Yaakup bin Saidi, S3 mula ditubuhkan pada tahun 2005 dan ketika ini mempunyai lebih kurang 300 pengawal keselamatan, yang ditempatkan di 80 pos kawalan, di keempat-empat daerah.

"Antara cabaran sebagai pengawal keselamatan ialah kebanyakan pelanggan menaruh harapan yang tinggi kepada kami bagi memastikan keadaan sentiasa terkawal dan selamat, terutama sekali di dalam penjagaan harta dan nyawa mereka. Kami perlu menanggung tanggungjawab yang besar dan mesti tahu menguasai peringkat yang tinggi dalam berjaga-jaga ketika bertugas, termasuk sentiasa menjaga disiplin diri," jelasnya.

Selain itu, tambahnya, setiap pengawal keselamatan yang ditugaskan mestilah mempunyai kelulusan asas kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran atau 'Health, Safety and Environment (HSE)' dan 'First Aid' juga 'Fire Marshal' dan mahir bertutur juga menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Harapan para pelanggan memang tinggi, katanya, tetapi berlainan pelanggan memang mempunyai berlainan peringkat keselamatan yang perlu diadaptasi mengikut kehendak masing-masing.

Seperti sebelum ini, terdapat maklum balas daripada para pelanggan yang dijalankan pada tahun 2020, di mana sebanyak 63 peratus daripada pelanggan S3 dikira sebagai yang berkepentingan.

Bertugas sebagai Pengawal Keselamatan ini, tegas Dayang Nur Khadijah, kadang kala dipandang rendah oleh segelintir masyarakat, tetapi perspektif tersebut perlu diubah kerana tidak selamanya mereka akan menjadi pengawal keselamatan.

"Jika mereka seorang yang bekerja keras dan dapat menunjukkan komitmen penuh, mereka akan dinaikkan pangkat sebagai Guard Commander, Patroller, Supervisor dan seterusnya.

"Untuk menjadi pengawal keselamatan memerlukan mental juga fizikal yang kuat kerana mereka ini sering menghadapi orang-orang agresif dan suasan yang di luar jangkaan mereka. Oleh itu, mereka ini juga berhak untuk dihormati," jelasnya.



ALAI PINTAR

SOALAN 03 FEBRUARI 2021, RABU

SOALAN 043

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Bendera Brunei ada berapa warna?
 - a) 3 warna
 - b) 7 warna
 - c) 4 warna
2. Apa maksud Perambahan Brunei "jahat rasa"?
 - a) Ketawa
 - b) Kurang Sihat
 - c) Sedih
3. Selepas Alya berpindah tempat duduk, penglihatannya menjadi jelas. Cari kata seerti dengan jelas.
 - a) Kabur
 - b) Terang
 - c) Pudar

TARIKH TUTUP : 14 FEBRUARI 2021

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 042 :
 Nama : Nursyakirah Batrisya bte Norfaizal
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0113600-01 Sekolah : Sekolah Tunas Jaya PGGM Madang

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

<ul style="list-style-type: none"> • Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam 	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait; • Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan • Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
--	---
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :

Tarikh Lahir :

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :

Tahun :

Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 042

1. b) 20 sifat
2. b) 617
3. c) 27



Kenali budaya dan tradisi masyarakat kitani



Makan Tahun : Menjalin Permuafakatan sambil merapatkan silaturahim

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

Pengenalan

HANYA terdapat tujuh puak Brunei saja yang sah rasmi di bawah pendaftaran kebangsaan Brunei dianggap puak jati Brunei yang asli iaitu Puak Murut, Puak Bisaya, Puak Dusun, Puak Tutong, Puak Belait, Puak Melayu Brunei dan Puak Kedayan.

Tidak dinafikan, tujuh puak yang ada di negara ini juga mempunyai adat warisan yang sama tetapi mungkin berbeza dari segi pelaksanaannya. Bagi sesetengah puak, adat memainkan peranan yang besar dalam kehidupan seharian.

Adat Makan Tahun Puak Kedayan

Seperti puak lain, Puak Kedayan mempunyai upacara tradisi unik tersendiri yang dikongsi bersama masyarakat lain di negara ini. Makan Tahun yang diadakan setiap tahun oleh orang Kedayan bukan sahaja mewakili tradisi unik yang diwarisi tetapi ia juga sebagai platform untuk ikatan persaudaraan mereka. Permuafakatan dan kerjasama semua dalam memucang-mucang untuk menjayakan Majlis Makan Tahun menunjukkan keharmonian yang terjalin.

Adat Makan Tahun ialah salah satu adat Puak Kedayan yang telah diwarisi sejak zaman berzaman dan masih diamalkan hingga ke masa kini. Kebiasaannya adat Makan Tahun ini dilakukan pada setiap tahun selepas selesai kerja-kerja mengetam dan menuai padi. Majlis Makan Tahun menunjukkan kesyukuran terhadap penghasilan dari tanaman padi yang diusahakan.

Namun, pada masa sekarang, oleh kerana pengaruh ajaran agama Islam, adat Makan Tahun ini diselitkan

dengan unsur-unsur keagamaan seperti mengadakan doa kesyukuran, tahlil atau doa selamat untuk ahli keluarga mereka.

Pakaian Yang Dipakai

Adat Makan Tahun ini diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran atas tuaian padi mereka. Pada waktu dulu, apabila sahaja tiba adat Makan Tahun, mereka akan memakai pakaian khas bagi Puak Melayu Kedayan. Bagi lelaki, mereka akan memakai Baju Butang Tipai dan bagi perempuan pula, mereka akan memakai Baju Bersuja Berkubamban. Walau bagaimanapun setelah agama Islam berkembang, adat dalam pakaian seperti yang dinyatakan di atas tidak lagi digunakan.

Makanan Yang Dihidangkan

Dalam adat Makan Tahun, makanan yang sering dihidangkan dan sentiasa ada semasa Makan Tahun tersebut ialah kelupis yang diperbuat daripada beras baru (beras daripada padi yang baru dituai), kerja-kerja memasak dadih, membungkus, menjalin dan kemudian merebus kelupis sering dibuat bersama-sama anak kampung. Begitu juga dengan masakan kerbau yang dimasak sekawah. Dan emping padi. Bagi sesetengah Puak Kedayan, masa mengemping adalah sesuatu yang menyeronokkan kerana kaum perempuan Kedayan akan berkumpul dan menumbuk padi dalam lesung untuk dijadikan emping selepas siap mengetam padi. Aroma daripada beras yang ditumbuk dan dijadikan emping boleh dicium di kawasan sawah-sawah padi.

Dalam tahun-tahun 60-an, Majlis Makan Tahun diadakan secara gotong-royong di mana ianya diadakan di balai raya yang dibuat khas untuk pelbagai acara yang diadakan di kampung-kampung. Dulu-dulunya balai raya tersebut diperbuat daripada daun nipah, lantai

buluh sebelum dibina dengan menggunakan papan. Di sesetengah tempat, Teratak untuk tempat berhidang dibina secara memucang-mucang oleh orang kampung. Di sinilah kaum perempuan akan menghidangkan makanan untuk dihidangkan bersama-sama. Ada juga yang membawa makanan masing-masing dari rumah untuk dimakan bersama. Tidak hairanlah pelbagai jenis masakan lauk-pauk akan dihidangkan apatah lagi dimasak dengan resipi asal warisan orang tua-tua dahulu.

Di sebahagian kampung, ada juga yang memasak makanan beramai-ramai dalam kawah besar. Pelbagai jenis masakan dimasak bersama dalam suasana gembira. Secara tidak langsung Makan Tahun ini merapatkan hubungan silaturahim sesama anak buah kampung setelah lama tidak

berjumpa.

Peredaran masa telah menyebabkan suasana Makan Tahun juga berubah. Walaupun Makan Tahun masih diadakan tetapi format dan cara mengadakannya juga berbeza. Sekarang cara penyediaan makanan Makan Tahun biasanya dibuat secara katering. Ini dapat dimaklumi kerana kesibukan masing-masing yang sukar untuk memasak makanan dan salah satu cara yang mudah ialah menempah makanan secara katering. Tetapi suasana tetap sama seperti dahulu dengan hubungan silaturahim yang terjalin.

Apa yang hendak dinyatakan di sini ialah Majlis Makan Tahun mempunyai nilai-nilai murni seperti bergotong-royong, mensyukuri nikmat rezeki yang diberikan dengan makan beramai-ramai yang secara tidak langsung merapatkan hubungan antara mereka.





Pentingnya mengetahui faktor risiko kanser

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

SERAMAI 644 warga negara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2018 telah dikesan menghidap penyakit kanser dan jumlah kematian akibat kanser pada tahun yang sama adalah sebanyak 304 kematian. Dalam erti kata lain, pada tahun tersebut, penyakit kanser telah menyebabkan kira-kira 1 dalam 4 (sebanyak 28 peratus) kematian di kalangan warga negara dan penduduk tetap di negara ini. Manakala, jumlah penghidap penyakit kanser juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 17 peratus dalam tempoh lima tahun dari tahun 2014-2018 berbanding dengan tahun 2009-2013.

Menurut statistik yang diperolehi dari Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam pada tahun yang sama, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser di sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau 1 dalam 4, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau 1 dalam 3.

Antara jenis-jenis penyakit kanser yang tertinggi dalam kalangan lelaki adalah kolorektal sebanyak 53 kes; 25 kes paru-paru; dan hati dan prostat masing-masing sebanyak 18 kes. Dalam kalangan perempuan pula, 100 kes kanser

payudara diikuti oleh 49 kes kanser kolorektal dan kanser korpus uteri atau rahim sebanyak 32 kes.

Hari Kanser Sedunia

Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun merupakan satu inisiatif penyatuan sejagat yang diketuai oleh Union for International Cancer Control (UICC). Ia juga merupakan satu landasan yang ideal untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan orang ramai mengenai penyakit kanser dan pada masa yang sama, membantu tindakan bersama secara peribadi dan juga kerajaan untuk bekerjasama memperjuangkan pilihan dan strategi pencegahan untuk semua, supaya kita mempunyai peluang yang terbaik bagi pencegahan awal dan mengurangkan risiko-risiko penyakit kanser.

Tema Hari Kanser Sedunia dari tahun 2019 hingga tahun 2021 adalah 'Saya Adalah dan Saya Akan' ('I Am and I Will'). Kempen selama tiga tahun itu menyeru kepada orang ramai untuk memberikan komitmen untuk bertindak secara positif dalam sama-sama mengurangkan satu pertiga jumlah kematian pramatang yang berpunca daripada penyakit kanser dan penyakit tidak berjangkit menjelang

tahun 2030.

Justeru itu, beberapa pihak yang berkepentingan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai Sambutan Hari Kanser Sedunia seperti Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Persatuan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Brunei Breast Cancer Support Group (BCSG) dan Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA), Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama mengadakan Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021.

Beberapa acara juga telah diadakan pada tahun lepas dalam menyokong Sambutan Hari Kanser Sedunia oleh beberapa pihak kerajaan dan swasta, di mana salah satunya adalah acara 'Walk, Run and Cycle' yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan semasa Program Bandarku Ceria; Forum dalam talian (*online*) untuk orang ramai mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan kanser amnya dalam meningkatkan pengetahuan dan literasi kesihatan orang ramai mengenai kanser, langkah-langkah pencegahan, mengenal pasti risiko dan tanda-tanda awal penyakit kanser melalui perbarigian pemeriksaan / saringan kanser serta modal rawatan kanser yang disediakan di negara ini amnya; Acara 'Shine a Light', penyalan mercu tanda di

Crystal Arch Jerudong Park, yang dinyalakan dengan lampu berwarna jingga dan biru sesuai dengan tema Hari Kanser Sedunia 2020.

Untuk itu, apa yang perlu kita ketahui ialah sekurang-kurangnya satu pertiga penyakit kanser boleh dicegah dengan mengatasi atau mengawal enam faktor-faktor risiko utama penyebab kanser. Faktor-faktor risiko itu adalah Perilaku dan pemakanan yang tidak seimbang; Indeks Jisim Badan (BMI) yang tinggi; Pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang rendah atau tidak mencukupi; Gaya hidup yang tidak aktif; Penggunaan tembakau; dan Pengambilan alkohol.

Justeru itu, memandangkan kesemua faktor risiko kanser tersebut boleh dicegah, adalah perlu bagi kita sama-sama menghindarinya dan mengikut beberapa langkah gaya hidup sihat seperti berhenti merokok dan mengelakkan dari pendedahan pada asap rokok pasif; Mengekalkan berat badan yang sihat dari kanak-kanak dan sepanjang hayat; Memastikan pengambilan 2 - 3 sajian buah-buahan dan 2 - 3 sajian sayur-sayuran setiap hari; Mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi atau berlebihan; dan Melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu.



PKP : Kes seludup dadah, pendatang asing di sempadan turun - Polis Kelantan



KOTA BHARU, 2 Feb. - Statistik kes penyeludupan dadah dan kemasukan pendatang tanpa izin melalui sempadan Kelantan-Thailand pada 2020 menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya, kata Ketua Polis Kelantan Datuk Shafien Mamat.

Beliau berkata penurunan dari segi tangkapan dan rampasan itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lepas, termasuk penutupan pintu sempadan bagi membendung penularan COVID-19 di negara ini.

"Kalau sebelum PKP, mereka (penyeludup dadah dan pendatang

tanpa izin) bebas bergerak tetapi dalam tempoh PKP dengan banyak sekatan jalan raya (SJR) beroperasi di seluruh negara menyebabkan pergerakan mereka cukup terhad," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Bernama baru-baru ini.

Memperincikan statistik sindiket penyeludupan dadah, Shafien berkata sebanyak 10,905 kes dengan nilai rampasan RM52 juta membabitkan tangkapan seramai 13,852 individu direkodkan pada tahun lepas.

Bagi 2019 pula katanya, sebanyak 12,819 kes penyeludupan dadah dicatatkan melibatkan nilai rampasan RM94

juta manakala tangkapan seramai 15,531 individu.

"Sebanyak 97 peratus tangkapan membabitkan orang Melayu dan lebih menyedihkan ia melibatkan juga golongan remaja lelaki. Umur antara 25 hingga 29 tahun adalah kumpulan paling tinggi ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan dadah.

"Bagi penglibatan wanita pula tidak begitu tinggi, kira-kira 10 peratus, cuma kebanyakan mereka terbabit dalam kegiatan ini kerana menjadi sampingan kepada teman lelaki mereka," katanya ketika ditanya kategori umur dan jumlah pembabitkan lelaki serta wanita dalam kes penyeludupan dadah di

Kelantan.

Sementara itu, mengenai tangkapan pendatang asing, Shafien berkata menerusi Op Benteng di Kelantan, seramai 1,880 orang ditahan pada 2020 sekali gus menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu 3,990 orang.

"Menerusi tangkapan di sempadan Kelantan-Thailand sahaja, seramai 471 orang ditahan pada tahun lepas berbanding 782 orang pada 2019. Mereka yang paling ramai ditahan ini terdiri daripada rakyat Myanmar, diikuti Thailand, Bangladesh, Indonesia, Vietnam dan Kemboja," katanya.

Mengulas penambahbaikan yang akan dilakukan Polis Kontinjen Kelantan, Shafien berkata pihaknya sedang mengemukakan permohonan

kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menambah penggunaan dron di pos kawalan sempadan Kelantan-Thailand.

Beliau berkata penggunaan teknologi itu cukup berkesan bagi memantau pergerakan berkaitan jenayah rentas sempadan sekali gus memudahkan tugas pasukan keselamatan mematahkan apa jua sindiket.

"Dron yang sedia ada bagi pasukan (polis) Kelantan agak terhad dan saya melihat peralatan ini amat diperlukan untuk pantau keadaan sekeliling dan pergerakan penyeludup di kawasan sempadan. Mungkin juga akan ditubuhkan satu unit khas dron di Kelantan," katanya. -

©BERNAMA

Semua rakyat Iran dijangka terima suntikan vaksin COVID-19 menjelang musim sejuk 2022

TEHRAN, 2 Feb. - Pemberian suntikan vaksin COVID-19 untuk rakyat Iran dijangka selesai menjelang musim sejuk 2022, kata Setiausaha Jabatan Pembangunan Bioteknologi di Pejabat Presiden Iran pada Isnin.

Mostafa Qanei berkata Iran akan menyediakan kira-kira 16 juta dos vaksin melalui program COVAX Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 25 juta dos diimport manakala 25 juta lagi melalui pengeluaran dalam negeri, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

Beliau berkata kumpulan

pertama penerima vaksin diutamakan kepada petugas kakitangan kesihatan dan perubatan, orang kurang upaya serta veteran perang kurang upaya.

Pada musim bunga tahun ini pula suntikan akan diberikan kepada golongan berusia lebih 65 tahun, golongan mempunyai penyakit (berumur 16-64 tahun) dan mereka yang berurusan dengan orang ramai atas sebab pekerjaan.

Kumpulan lain akan disuntik pada musim panas dan

musim gugur 2021, merangkumi penduduk di tempat yang padat dan warga berusia antara 55 hingga 65 tahun yang tidak mempunyai penyakit.

Merujuk kepada vaksin dihasilkan Iran bersama Cuba, Qanei berkata sembilan syarikat Iran sedang membangunkan vaksin COVID-19, tiga daripadanya kini sudah mencapai fasa percubaan klinikal.

Katanya, UNICEF telah mengiktiraf Iran sebagai satu daripada pengeluar vaksin COVID-19. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana dikesan di Xizang (Tibet)

KUALA LUMPUR, 2 Feb. - Gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter dikesan berlaku di Xizang (Tibet) pada 10.31 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan memaklumkan pusat gempa bumi sederhana itu terletak 375 kilometer utara dari Dinajpur, Bangladesh pada kedalaman 17 kilometer.

Gempa bumi itu tiada ancaman tsunami kepada Malaysia, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Qatar kutuk serangan bom di Somalia

DOHA, 2 Feb. - Qatar mengutuk sekeras-kerasnya serangan bom yang menasarkan sebuah hotel di Mogadishu, Somalia.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan pada Isnin, Kementerian Luar mengulangi pendirian tegas Qatar untuk menolak sebarang bentuk keganasan, walau apa jua motif dan alasan, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Kementerian berharap mangsa yang cedera dalam kejadian itu akan segera pulih. - ©BERNAMA

Iran berjaya lancar satelit 'Zol Janah'

TEHRAN, 2 Feb. - Iran berjaya melancarkan satelit 'Zol Janah' ke angkasa lepas, kata jurucakap Pertubuhan Aeroangkasa Ahmad Hosseini pada Isnin.

Pelancaran satelit penyelidikan itu julung kalinya menggunakan roket pembawa dilengkapi teknologi enjin bahan api pepejal paling berkuasa, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

Satu kejayaan utama daripada pelancaran itu, Iran kini berjaya menghasilkan enjin bahan api padat paling berkuasa dengan kekuatan meluncur melebihi 750 tan, katanya.

Beliau berkata pengurangan kos, meningkatkan kelajuan dan kemampuan pelancaran menggunakan platform mudah alih adalah antara ciri utama pembawa satelit 'Zol Janah'.

Terdahulu, Menteri Pertahanan Brigadier Jeneral Amir Hatami dalam ucapannya sempena Hari Teknologi Angkasa Negara berkata, Iran berjaya membuktikan kemampuan dalam menguasai sains dan teknologi canggih. - ©BERNAMA

BioNTech rancang hasilkan dua billion dos vaksin COVID-19 pada 2021

MOSCOW, 2 Feb. - Syarikat Jerman BioNTech merancang untuk menghasilkan dua bilion dos vaksin COVID-19 pada 2021 berikutan permintaan global yang meningkat, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Bagi memenuhi permintaan global yang meningkat, syarikat merancang untuk menghasilkan dua bilion dos vaksin COVID-19 kami pada 2021 dengan meningkatkan pengeluaran lebih 50 peratus berbanding anggaran 1.3 bilion dos sebelum ini.

"Kami berupaya untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran," kata BioNTech dalam satu kenyataan. - ©BERNAMA

Majlis Keselamatan PBB akan bincang situasi di Myanmar

ANKARA, 2 Feb. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dijangka bersidang pada Selasa untuk membincangkan situasi di Myanmar berikutan rampasan kuasa tentera di negara itu, lapor Agensi Andolu.

Pada Ahad, tentera Myanmar mengisytiharkan darurat beberapa jam selepas menahan Kaunselor Negara Aung San Suu Kyi dan pegawai kanan Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) yang lain.

Rampasan kuasa itu berlaku beberapa jam sebelum sesi pertama sidang parlimen negara itu diadakan selepas pilihan raya November lalu yang menyaksikan NLD memperoleh kemenangan besar.

Tentera mendakwa kudeta itu dilakukan kerana berlaku "penipuan pilihan raya" yang membolehkan NLD mendominasi parlimen.

Jurucakap PBB Stephane Dujarric pada Isnin berkata

rampasan kuasa itu "tamparan hebat terhadap reformasi demokrasi."

"Terdapat kira-kira 600,000 orang Rohingya yang masih tinggal di Rakhine, termasuk 120,000 dikurung di kem. "Mereka tidak bebas bergerak dan akses perkhidmatan kesihatan dan pendidikan asas yang sangat terhad. "Ketakutan kami ialah kejadian itu boleh menjadikan keadaan lebih buruk," kata Dujarric. - ©BERNAMA

Penyelidik UniSZA cipta 'Electrico' bantu pelajar kuasai Fizik

KUALA TERENGGANU, 2 Feb. - Rungutan yang sering diterima daripada pelajar untuk menguasai subjek Fizik mendorong sekumpulan penyelidik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mencipta sejenis permainan ilmiah yang dikenali sebagai Electrico.

Pensyarah Fizik Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA, Dr Siti Maisarah Aziz berkata permainan papan itu bertujuan menguji kefahaman pelajar terhadap fungsi komponen elektrik serta pengiraan yang melibatkan persamaan dan formula dalam menyelesaikan masalah dan persoalan fenomena berkaitan elektrik.

Beliau berkata Electrico adalah satu inovasi baharu dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran Fizik melalui soalan berkaitan elektrik yang perlu dijawab semasa permainan sedang berjalan.

"Sama seperti permainan

Saidina, pemain Electrico juga perlu membeli komponen elektrik seperti diode, kapasitor atau perintang bagi menjawab soalan dengan betul untuk melengkapkan litar. Pemain yang berjaya melengkap litar paling cepat akan dikira sebagai pemenang.

"Aktiviti pemasangan komponen dengan kemahiran membaca litar menjadikan permainan ini lebih menarik. Sememangnya pemasangan litar merupakan masalah terbesar yang dihadapi pelajar. Dengan adanya permainan ini, ia dapat menarik minat pelajar untuk mendalami topik elektrik serta menjadikan pembelajaran Fizik lebih menarik," katanya dalam kenyataan hari ini.

Maisarah berkata Electrico yang dicipta pada November lepas itu terbukti berjaya menarik minat golongan pendidik kerana telah memenangi beberapa pingat emas dalam pertandingan penyelidikan

dan inovasi yang dipertandingkan pada tahun lepas.

Antaranya termasuklah Pertandingan Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (AIPP), Karnival Inovasi UMT 2020, UniSZA Carnival on e-Learning 2020 (UniCeL 2020) dan Pertandingan Inovasi Pusat Asasi Sains Dan Perubatan (UniSZA) 2020.

"Saya berharap Electrico dapat menangkis persepsi kurang tepat pelajar sebelum ini bahawa Fizik sukar dikuasai menyebabkan mereka hanya menggunakan teknik hafalan semata-mata, sedangkan ia bukanlah kaedah yang betul dalam memahami sesuatu konsep elektrik dalam Fizik.

"Ketika ini, saya sedang dalam proses perbincangan dengan beberapa syarikat percetakan untuk mengkomersialkan Electrico agar lebih ramai pelajar dapat manfaatnya," kata beliau. - ©BERNAMA



Pasangan suami isteri direman disyaki dera anak angkat 15 bulan

KOTA BHARU, 1 Feb. - Seorang lelaki yang kesian positif dadah bersama isterinya yang juga pembantu taska, ditahan di rumah selepas disyaki melakukan penderaan ke atas anak angkat perempuan mereka yang berusia 15 bulan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kelantan ACP Wan

Khairuddin Wan Idris berkata, pasangan berusia 26 (suami) dan 31 tahun itu, ditahan di rumah mereka di sebuah taman perumahan dekat Kok Lanis di sini, pada pukul 1 pagi tadi.

Beliau berkata tangkapan dilakukan selepas polis menerima laporan daripada ibu kandung mangsa, yang mengesyaki

anaknyanya itu didera selepas melihat kesan lebam dan parut pada muka dan badan anaknya.

"Daripada laporan yang diterima, ibu kandung mangsa yang berusia 32 tahun yang bekerja sebagai pembantu kedai, menyerahkan anaknya itu kepada pasangan berkenaan pada Ogos tahun lalu.

"Bagaimanapun, selepas diserahkan semula kepadanya pada November lalu, didapati ada kesan kecederaan di dahi, paha, tangan dan muka anaknya," katanya ketika dihubungi Bernama, hari ini.

Jelasnya ibu mangsa yang juga ibu tunggal berasal dari Besut, Terengganu merasakan ada sesuatu yang tidak kena, kemudiannya membawa anaknya itu ke Klinik Kesihatan Besut

sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

Katanya pemeriksaan yang dilakukan oleh pakar pediatrik mendapati, ada kesan kecederaan lama (sebulan) disyaki didera, sebelum satu laporan polis dibuat.

"Hasil pemeriksaan oleh pakar Ortopedik dapati, mangsa mengalami kesan patah lama pada kedua belah tulang lutut dan di bahagian buku lali di sebelah kanan. Kesan tersebut lebih kurang dua bulan dan tulang telah bercantum.

"Bertindak atas maklumat yang diterima sepasukan anggota polis dari JSJ IPD Kota Bharu telah menjalankan siasatan, dan berjaya menahan pasangan berkenaan di sebuah rumah di Kok Lanis, awal pagi tadi," katanya.

Wan Khairuddin berkata, siasatan yang dijalankan mendapati lelaki itu turut positif dadah jenis Methamphetamine, selepas ujian air kencing dijalankan.

"Kedua-dua suspek yang bekerja sebagai penjual barang secara dalam talian dan pembantu taska direman selama tujuh hari, bermula hari ini sehingga 7 Feb dan kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Difahamkan, kanak-kanak itu adalah anak bongsu daripada enam beradik dan diserahkan kepada pasangan tersebut, selepas ibu kandungnya bercerai manakala lima lagi adik beradiknya dipelihara oleh bapa kandungnya sendiri. - ©BERNAMA

Sebanyak 95 peratus tangkapan dadah di Kuala Kedah melibatkan nelayan

ALOR SETAR, 1 Feb. - Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan yang beroperasi di Kuala Kedah dilihat membimbangkan apabila sebahagian besar tangkapan berkaitan dadah yang dilakukan polis bagi tempoh 24 Jan hingga semalam membabitkan golongan itu.

Ketua Polis Daerah Kota Setar ACP Ahmad Shukri Mat Akhir berkata dalam operasi bersepadu yang dilaksanakan pihaknya di kawasan berkenaan untuk tempoh tersebut, seramai 101 individu ditahan dan 95 peratus daripada mereka adalah nelayan.

"Kebanyakan golongan nelayan mengambil dadah kononnya untuk memberi ketahanan fizikal semasa berada di laut selain dapat merangsang diri supaya bekerja lebih kuat untuk mencari pendapatan.

"Nelayan ini memperoleh bekalan dadah di darat dan mereka ambil dadah sebelum turun ke laut bagi mendapat tenaga kerana perlu bekerja dalam tempoh yang lama," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Menurutnya, kebanyakan nelayan turun ke laut bertujuan untuk mencari pendapatan bagi menyara keluarga, namun berbeza dengan segelintir nelayan yang terbabat dengan bahan terlarang itu, mereka berbuat demikian bagi mencari wang untuk membeli dadah.

Mengulas lanjut mengenai 101 tangkapan itu, Ahmad Shukri berkata seramai 10 individu ditahan di bawah Seksyen 39B, Seksyen 39A(2) dan Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana disyaki menjalankan aktiviti pengedaran dadah.

"Selebihnya iaitu seramai 91 orang pula ditahan di bawah Seksyen 15(1) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Akta Racun 1952 kerana memiliki atau menyalahgunakan dadah," katanya. - ©BERNAMA

Penulis artikel rugi lebih RM24,000 ditipu sindiket menyamar kakitangan LHDN

MELAKA, 1 Feb. - Seorang penulis artikel kerugian RM24,400 akibat ditipu sindiket 'Macau Scam', yang menyamar sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dengan mendakwa nama mangsa didaftarkan atas satu syarikat yang mempunyai hutang tertunggak lebih RM38,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Melaka, Supt E. Sundra Rajan berkata, lelaki berumur 25 tahun yang menetap di Alor Gajah itu, menerima panggilan telefon daripada individu sindiket terbabit, pada 30 Jan lepas.

"Mangsa dipercayai menafikan dakwaan tersebut bagaimanapun taliannya disambungkan kepada individu yang kononnya pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang. Mangsa turut dimaklumkan terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah dan pengubahan wang haram," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata mangsa yang kemudian percaya dengan kata-kata individu terbabit, telah mengikuti arahannya dengan mengisi butiran akaun bank berserta nombor pin di sebuah aplikasi 'MY Bank Negara'.

Katanya selepas mangsa selesai mengisi butiran akaun bank, barulah dia sedar dan berasa terpedaya sebelum menghubungi pihak bank serta dimaklumkan bahawa terdapat pengeluaran wang berjumlah RM24,400 daripada akaun bank miliknya.

Menurut beliau mangsa telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah pada Sabtu lepas dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, atas kesalahan menipu.

"Justeru orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah percaya dengan individu yang menyamar sebagai kakitangan LHDN atau mana-mana pihak yang diragui," tambahnya. - ©BERNAMA

KPLB bekerjasama dengan KPM dan KKMM tangani isu PdPR Orang Asli

TAPAH, 1 Feb. - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi membantu menyelesaikan masalah sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam kalangan pelajar masyarakat Orang Asli.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata ini kerana dua masalah utama yang dikenal pasti dihadapi pelajar Orang Asli ialah capaian Internet yang lemah serta ketiadaan peralatan seperti komputer dan telefon pintar.

"Sekiranya kita (KPLB) diarahkan untuk membantu kedua-dua kementerian, kita akan

turun padang membantu pelajar masyarakat Orang Asli supaya mereka tidak ketinggalan dalam sesi PdPR seperti pelajar lain.

"Saya percaya sebarang keputusan atau pengumuman hanya akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan masalah berkenaan akan menemui jalan penyelesaian," katanya kepada pemberita selepas Program Memperkasakan 'Community Surveillance' serta penyerahan 69 unit bakul makanan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Gepai di Bidor di sini, hari ini.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) telah menyalurkan bantuan bakul makanan kepada

140 ketua isi rumah di Kampung Batu 6 di sini pada 20 Jan lepas susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKDP) yang dilaksanakan sejak 21 Jan.

Jako juga bersedia sedia dengan bantuan tambahan sekiranya tempoh PKDP dilanjutkan bagi memastikan masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

Pada 20 Jan, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang di sini diletakkan di bawah PKDP sehingga 3 Feb selepas pihak berkuasa mengesan 12 kes positif COVID-19 di kampung berkenaan. - ©BERNAMA

Kerajaan digesa beri keutamaan vaksinasi kepada pesakit buah pinggang kronik

KUALA LUMPUR, 1 Feb. - Kerajaan digesa memberikan keutamaan vaksinasi COVID-19 kepada pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang kronik (CKD).

Kenyataan bersama Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Datuk Dr Zaki Morad, Presiden Persatuan Nefrologi Malaysia Profesor Dr Abdul Halim Abdul Gafor dan Presiden Persatuan Transplantasi Malaysia Dr Rosnawati Yahya memaklumkan langkah itu akan mengurangkan kesesakan di pusat haemodialisis Kementerian Kesihatan (KKM).

Menurut mereka, langkah ini juga dijangka mengembalikan keadaan normal di pusat haemodialisis swasta dan yang berada di bawah program badan bukan kerajaan (NGO).

Kenyataan itu menyebut keutamaan hendaklah diberikan kepada pesakit yang menjalani rawatan haemodialisis dan dialisis peritoneal, pesakit yang telah menjalani pemindahan buah

pinggang serta pesakit CKD tahap 3 dan 4 (pradialisis).

Mereka turut menzahirkan kebimbangan mengenai kesan jangkitan COVID-19 ke atas pesakit CKD terutama yang berada di tahap 5 dan menjalani rawatan dialisis atau pemindahan buah pinggang.

"Pengalaman di seluruh dunia menunjukkan bahawa kumpulan pesakit ini amat terdedah kepada komplikasi serius jangkitan COVID-19 dan terdapat kematian yang ketara dalam kalangan mereka yang dijangkiti.

"Begitu juga dengan peningkatan risiko terhadap pekerja penjagaan kesihatan yang merawat kesemua pesakit ini untuk dijangkiti disebabkan pertemuan yang kerap," menurut kenyataan itu.

Mereka juga berkata kini terdapat kira-kira 50,000 pesakit yang memerlukan dialisis atau melakukan pemindahan buah pinggang dengan kebanyakan mereka menjalani rawatan haemodialisis.

Menurut kenyataan itu, kesemua

pesakit mempunyai gangguan imuniti baik secara semula jadi akibat penyakit dihidapi atau disebabkan ubat-ubatan yang menjadikan mereka amat mudah terdedah kepada komplikasi.

Turut menjadi kebimbangan ialah kesan kewangan yang besar ke atas pesakit serta keluarganya, pekerja dan pengurusan pusat haemodialisis terbabit jika jangkitan COVID-19 berlaku.

"Terdapat ujian saringan bagi virus itu yang perlu dilakukan, pakaian perlindungan peribadi (PPE) yang perlu dipakai dan pusat haemodialisis yang terjejas juga perlu disanitasi.

"Tekanan emosi ke atas pesakit dan pekerja jika pusat haemodialisis itu mempunyai individu yang dijangkiti tidak dapat dibayangkan, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli nefrologi KKM dan unit haemodialisis mereka yang sudi menerima kebanyakan pesakit yang dijangkiti dari pusat haemodialisis swasta dan NGO," kata mereka. - ©BERNAMA

Vaksin COVID-19 buatan China tiba di Pakistan

BEIJING, 2 Feb. - Vaksin COVID-19 yang dihasilkan China selamat tiba di Islamabad, Pakistan pada 1 pagi Ahad. Jurucakap Kementerian Luar China, Wang Wenbin dalam satu sidang media pada Ahad berkata, ia merupakan bantuan vaksin

kumpulan pertama yang disumbangkan China kepada negara lain. Menurut Wang, selain Pakistan, China juga menyediakan bantuan vaksin kepada 13 lagi negara membangun termasuk Brunei, Filipina, Myanmar, Kemboja

dan Laos. Jelas beliau, untuk langkah seterusnya, China akan menyediakan bantuan sama kepada 38 negara membangun lain. Sementara itu, China juga secara aktif menyertai pelan peruntukan vaksin COVID-19 global (COVAX) yang diterajui WHO dan menyediakan vaksin kepada negara-negara membangun melalui platform ini. Wang berkata, China

menyokong syarikat-syarikat domestik untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran vaksin bersama dengan rakan usaha sama negara lain. Katanya, vaksin yang dihasilkan Kumpulan Farmaseutikal Nasional China (Sinopharm) dan syarikat farmaseutikal China, Sinovac Biotech Ltd telah diekspor ke negara yang sedang menjalankan ujian klinikal termasuk Emiriah Arab Bersatu, Maghribi, Indonesia, Turki, Brazil dan Chile. Dalam perkembangan lain,



China turut menyokong syarikat-syarikat domestik untuk segera mengeksport vaksin ke negara yang memerlukan dengan syarat ia telah mengiktiraf vaksin buatan China dan memberi permit penggunaan kecemasan. - ©BERNAMA

Turki bakal masuki era baru reformasi politik, perundangan

ANKARA, 2 Feb. - Turki akan memasuki era baru perubahan dramatik, lapor Agensi Anadolu memetik ucapan speaker parlimen pada Isnin. "Kita berada di awal era ketika pelbagai perkara yang dasarnya akan berubah mengikut paradigma politik, undang-undang, hubungan antarabangsa, perdagangan dan kewangan," kata Mustafa Sentop kepada wartawan di Ankara. "Masalah yang kita hadapi di seluruh dunia ketika ini bukanlah masalah sistem, tetapi masalah

yang timbul berkaitan mencari sistem tambahan atau konflik mengenai peranan, kedudukan, mengubah kuasa sambil mewujudkan arahan baharu," kata Sentop. "Turki, dengan kedudukan yang kukuh, memasuki proses ini untuk memiliki kuasa dan membuat keputusan," katanya. Presiden Recep Tayyip Erdogan pada Rabu berkata "dalam masa terdekat" parlimen Turki dijangka menerima cadangan pembaharuan itu.

Rakyat akan melihat "bahawa pakej reformasi ini mengandungi peraturan dasar sangat penting untuk membawa negara menuju 2023 dan seterusnya," katanya sempena ulang tahun seabad Republik Turki. Tahun lalu, di tengah perubahan pentadbiran ekonomi, kepemimpinan Turki berikrar untuk melakukan pembaharuan ekonomi dan undang-undang serta reformasi hak dan kebebasan untuk mengemudi kemajuan negara. - ©BERNAMA

Rampasan kuasa tentera, Myanmar diisytihar darurat

YANGON, 1 Feb. - Kaunselor Negara Myanmar Aung San Suu Kyi, Presiden U Win Myint dan pegawai kanan lain ditahan pihak tentera pada pagi Isnin, kata jurucakap parti memerintah Liga Nasional Demokrasi (NLD) Dr. Myo Nyunt, kepada Agensi Berita Xinhua. "Saya menerima laporan dalam mengenai penasihat dan presiden negara kita yang ditahan pihak tentera. Setakat yang dilaporkan, Menteri Perancangan dan Kewangan Shan State U Soe Nyunt Lwin, ketua NLD Kayah Thung Htay dan beberapa wakil parlimen NLD wilayah Ayeyarwady turut ditahan," kata jurucakap itu. "Dua anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat parti itu turut dibawa dan saya juga sedang menunggu untuk ditahan kerana dimaklumkan anggota

kami giliran saya akan tiba," katanya. Pada Isnin, televisyen tentera Myanmar mengumumkan darurat selama setahun di negara itu selepas pemimpin kerajaan ditahan. Radio dan Televisyen (MRTV) milik kerajaan mengumumkan di laman media sosialnya ia tidak lagi beroperasi pada pagi Isnin, manakala telekomunikasi di ibu kota Nay Pyi Taw dan beberapa wilayah serta negeri lain turut terjejas. Sidang pertama parlimen baharu dijangka dimulakan dengan perhimpunan Dewan Perwakilan pada Isnin diikuti Dewan Nasional pada Selasa dan sesi Parlimen Kesatuan pada 5 Februari. Sesi parlimen berikutnya akan memilih speaker untuk kedua-dua dewan parlimen dan akan membentuk

jawatankuasa parlimen serta memilih presiden dan naib presiden, sebagai sebahagian daripada pembentukan Kerajaan Kesatuan. Myanmar mengadakan pilihan raya umum pada 8 November tahun lalu dan NLD memenangi majoriti kerusi di kedua-dua dewan Parlimen. Sementara itu, menurut kenyataan Pejabat Presiden, darurat setahun diisytiharkan di Myanmar setelah tentera menahan beberapa pemimpin parti pemerintah. Pengisytiharan ditandatangani oleh Naib Presiden Pertama U Myint Swe, yang memangku jawatan presiden. Pentadbiran negara akan diserahkan kepada Panglima Angkatan Tentera Min Aung Hlaing, kata kenyataan itu. - ©BERNAMA

PMI Pembuatan China catat 51.3 peratus pada Januari

BEIJING, 1 Feb. - Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan China bagi Januari direkodkan pada paras 51.3 peratus, iaitu 0.6 mata peratus lebih rendah berbanding Disember 2020, menunjukkan peningkatan perlahan sektor pembuatan negara ini. Perkara itu diumumkan pusat tinjauan industri perkhidmatan Biro Statistik Negara (NBS) bersama Persekutuan Logistik dan Pembelian China (CFLP) pada Ahad. Menurut pengumuman tersebut, PMI syarikat berskala besar menyaksikan penurunan 0.6 peratus kepada 52.1 peratus manakala syarikat berskala sederhana pula susut 1.3 peratus kepada 51.4 peratus. Sementara itu, PMI syarikat berskala kecil pula meningkat 0.6 peratus kepada 49.4 peratus. PMI indeks pengeluaran dan pesanan baharu dilihat lebih tinggi daripada titik genting, manakala indeks stor bahan mentah, pengambilan pekerja dan masa penghantaran pembekal lebih rendah berbanding titik genting. - ©BERNAMA

COVID-19 : Thailand catat 836 kes baharu, sifar kematian

BANGKOK, 1 Feb. - Thailand mencatat 836 kes baharu COVID-19 dengan sifar kematian dalam tempoh 24 jam lepas menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di negara itu setakat ini ialah 19,618 dengan 77 kematian. Penolong Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Dr Apisamai Srirangsan berkata daripada jumlah kes baharu itu, 793 adalah jangkitan tempatan dengan 782 dikesan di Samut Sakhon, enam di Maha Sarakham dan lima di Bangkok manakala 39 kes merupakan individu yang mendapatkan rawatan di hospital. Beliau berkata empat lagi adalah kes import termasuk dua rakyat Thailand yang kembali dari Malaysia. Apisamai juga berkata langkah pengesanan kes aktif di kilang, asrama pekerja, pasar dan komuniti di Samut Sakhon, yang merupakan pusat penularan terkini pandemik itu di Thailand, akan diteruskan. "Secara purata, kira-kira 7 peratus daripada jumlah keseluruhan pengesanan kes aktif di Samut Sakhon didapati positif virus itu," katanya pada taklimat harian COVID-19 di sini hari ini. Apisamai berkata penularan terkini di negara itu pada pertengahan Disember tahun lepas menyaksikan sejumlah 14 wilayah masih bebas daripada COVID-19 manakala 42 lagi belum melaporkan kes baharu selama lebih tujuh hari. Sementara itu, sistem AiMASK Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi Kebangsaan Thailand (NSTDA) mendapati 97.53 peratus rakyat memakai pelitup muka dengan betul dan 1.42 peratus memakainya di bahagian dagu mereka manakala 1.05 peratus langsung tidak memakainya. Sistem itu menggunakan CCTV serta perisian pengecaman wajah untuk menilai tahap penggunaan pelitup muka oleh rakyat di tempat awam dan penilaian itu dikendalikan di 15 daerah di Bangkok dari 21 hingga 27 Jan. - ©BERNAMA

Pengusaha kedai gunting rambut rayu kerajaan benarkan mereka beroperasi

GEORGE TOWN, 1 Feb. - Pengusaha kedai gunting rambut yang kini disifatkan sedang 'nazak' selepas tidak dibenarkan beroperasi, hari ini merayu kepada kerajaan agar memberi kelonggaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Bendahari Persatuan Gunting Rambut India (PGRI) Pulau Pinang V. Tharmaraj berkata, semua pengusaha kedai gunting rambut hanya sempat beroperasi selama enam bulan sejak 10 Jun tahun lepas, sebelum

diarahkan untuk ditutup semula akibat PKP. Beliau berkata pihaknya tidak kisah sekiranya kerajaan ingin mengetatkan lagi prosedur operasi standard (SOP) sedia ada untuk kedai rambut, asalkan mereka dibenarkan untuk beroperasi secepat mungkin. "Saya rasa SOP di kedai rambut antara yang paling ketat dan setakat ini belum dengar ada kluster dari perniagaan kedai gunting rambut. Kami baru sahaja berpeluang untuk 'pulih' setelah terjejas teruk akibat PKP yang

pertama, kemudian perlu ditutup semula. "Sebanyak 60 kedai gunting rambut bernaung di bawah persatuan ini dan semuanya daripada golongan B40. Saban hari kami (persatuan) menerima rayuan daripada mereka yang meminta tolong dari bentuk kewangan, kerana tidak mampu membeli makanan untuk keluarga," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Kedai Gunting Rambut Brothers di sini hari ini. Tambahnya, walaupun dibenarkan untuk beroperasi sejak

Jun 2020, pendapatan harian mereka merosot sebanyak 50 peratus, dan larangan pengoperasian pada PKP 2.0 memburukkan lagi keadaan. Katanya, PGRI juga tidak menggalakkan ahli persatuan mengambil tempahan gunting rambut di rumah pelanggan, bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya penularan wabak COVID-19. "Akibatnya, ramai ahli yang tukar bidang kerja. Ada yang menjual nasi lemak, menjadi tukang masak, pekerja

kilang sementara dan banyak lagi. Jadi kami sangat-sangat memohon pertimbangan kerajaan," katanya. Tharmaraj merupakan generasi ketiga dalam perniagaan kedai gunting rambut di Kedai Gunting Rambut Brothers, yang telah beroperasi selama 60 tahun. Beliau berkata sekiranya keadaan masih sama, perniagaan itu berkemungkinan akan ditutup seperti kebanyakan kedai gunting rambut yang lain, di seluruh negara. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

GALERI sukan yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah mempamerkan perkembangan sukan di negara ini dan memberikan penghargaan serta pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan ahli-ahli sukan yang telah mengharumkan nama negara pada kejohanan sukan serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA, Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah bagi Belia ASEAN dan sebagainya.



ePaper Pelita Brunei

NFABD perkenal asas kejurulatihan

TEMBURONG, Isnin, 1 Februari. - Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan, baru-baru ini, mengadakan lawatan ke NFABD Introductory Coaching Course, di Balai Raya, Kampung Batu Apoi, Temburong.

Turut hadir, Setiausaha Agung NFABD, Awang Mohd. Shanon bin Mohd. Salleh; Konsultan NFABD, Awang Jeysing Muthiah; dan Ketua Jurulatih Pasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Datuk K. Rajagopal juga kakitangan NFABD.

Pada lawatan tersebut, Presiden NFABD berkesempatan menyampaikan ucapan tahniah atas penyertaan semua peserta dan berharap kesemua peserta akan dapat terus bergiat aktif juga lebih komited dalam sama-sama membangun bola sepak, baik di Daerah Temburong khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Antara tujuan NFABD Introductory Coaching Course yang diadakan selama dua hari itu, antaranya untuk memperkenalkan asas-asas kejurulatihan kepada pemain-pemain dan bekas pemain yang berminat, dalam bidang kejurulatihan bola sepak, di Daerah Temburong.

NFABD Introductory Coaching Course dikendalikan oleh Jabatan Teknikal dan Pembangunan Bola Sepak NFABD dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Temburong (TAFa).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam



PRESIDEN NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan (duduk, tengah) dan Ketua Jurulatih Pasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Datuk K. Rajagopal (duduk, tiga dari kiri) semasa bergambar bersama para peserta dan pengendali NFABD Introductory Coaching Course.

NFABD Introductory Coaching Course ini diadakan dalam dua sesi, iaitu praktikal dan teori.

Bagi sesi praktikal, ia diadakan di

Kompleks Sukan Padang dan Balapan Temburong; dan sesi teori diadakan di Balai Raya Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi.

Di akhir lawatan tersebut, Presiden NFABD dan rombongan bergambar ramai bersama para peserta dan pengendali NFABD Introductory Coaching Course.



LAST MEN STANDING
THE
AMAZING
RACE
2021

REGISTRATION FEE
One team consist of two pax:
\$60 per pax

e.Tawakal Event Management
+673 713 5804 / +673 822 2023 / +673 245 0662

@e.tawakal_events

Uji ketahanan mental, fizikal menerusi The Amazing Race 2021

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi
Infografik : Instagram @e.tawakal_events

BERAKAS, Selasa, 2 Februari. - Menelusuri sungai, menaiki bukit yang dikelilingi dengan kehijauan flora fauna semula jadi setentunya akan menjadi pengalaman menarik kepada penggemar aktiviti lasak lagi mencabar.

Para penggemar aktiviti tersebut pasti tidak akan melepaskan peluang untuk menyertai Last Men Standing The Amazing Race 2021 anjuran e.Tawakal Event Management yang bakal berlangsung pada 13 Mac 2021.

Aktiviti tersebut dirancang akan mengambil tempat di dua daerah berasingan, iaitu Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.

Para pemenang yang berjaya bakal membawa pulang hadiah-hadiah menarik berupa wang tunai dan penginapan yang disediakan oleh pihak penganjur.

Sehubungan dengan itu, pendaftaran mengenai masih lagi dibukakan dengan bayaran sebanyak BND120 bagi setiap kumpulan yang terdiri daripada dua orang ahli berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan ke atas serta mempunyai tahap kesihatan yang baik dari segi mental dan fizikal.

Tarikh tutup pendaftaran ialah pada 8 Februari ini dan orang ramai, khususnya peminat sukan lasak yang berhajat untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman Instagram @e.tawakal_events atau menghubungi wakil penganjur menerusi talian +673 7135804 atau +673 8222023 atau berkunjung terus ke pejabat penganjur di Unit No. 32, Aras 1, Bangunan Haji Hassan Abdullah, Kampung Menglait.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HIDUPKAN SEMANGAT PRIHATIN, KASIH SAYANG SESAMA INSAN

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam